

**KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN SENI KHAT DALAM  
MASYARAKAT MELAYU DI KELANTAN.**

**HAFARIZA BINTI HANAFI**

**PROJEK PENYELIDIKANINI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA  
MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**UNIVERSITI**

---

**MA**  
**LAYSIA**  
**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**  
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**KELANTAN**  
**2011**

## **PENGHARGAAN**

**'Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani' Alhamdulillah dan syukur ke hadirat Illahi s.w.t. kerana dengan limpah dan Kurnia-Nya,dapat juga saya menyiapkan tesis saya ini yang merupakan salah satu mata pelajaran wajib yang perlu diambil oleh setiap pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan dalam memenuhi syarat untuk mendapatkan ijazah sarjana Muda Pengajian Warisan.Di kesempatan ini,saya ingin mengucapkan jutaan ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah saya iaitu En.Fauzi Bin Ab.Llah yang telah banyak membimbing,memberi tunjuk ajar,nasihat serta dorongan sepanjang saya menyiapkan kajian ini.Semoga segala sumbangannya diberkati oleh Yang Maha Esa.**

**Di samping itu,tidak lupa juga kepada kawan-kawan seperjuangan yang sudi memberi galakan,berkongsi pendapat dan idea bersama untuk saya menghasilkan satu tesis yang terbaik.Tidak lupa juga kepada kedua ibu-bapa yang selalu mendoakan kejayaan saya dalam apa jua perkara dan sentiasa memberikan sokongan yang tidak terhingga.Akhir sekali,ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menjayakan tesis.**

**Sekian terima kasih,**

**Hafariza binti Hanafi**

**Fakulti teknologi kreatif dan warisan**

**Universiti Malaysia Kelantan**

## **PERAKUAN**

Laporan ini adalah hasil usaha pelajar itu sendiri berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilaksanakan pada semester 7 sesi akademik 2010/2011, dan segala maklumat berkaitan telah dinyatakan.

.....

Tarikh: 18 JANUARI 2012

(Tandatangan pelajar)

Nama pelajar : **HAFARIZA BINTI HANAFI**

No..Matrik : **C08A037**

Disahkan oleh:

.....  
(Tandatangan)

Nama penyelia : **EN.FAUZI BIN AB.LLAH**

## ABSTRAK

Seni khat merupakan satu seni yang terindah yang merupakan salah satu bidang dalam cabang kesenian Islam yang tertua, dalam sejarah peradaban Islam.Karya teragung ini, melambangkan identiti sebuah masyarakat islam yang penuh dengan nilai keindahan melalui kehalusan penulisan yang begitu kemas dan sopan.Seni khat ini merupakan satu Khazanah kesenian Islam yang perlu dikekalkan dalam aspek kehidupan masyarakat sejagat.Ia menjadi lambang masyarakat islam dalam pelbagai perkara seperti urusan pentadbiran,pendidikan dan sebagainya.Seni khat menjadi bahan perantaraan masyarakat terdahulu dan di situ juga lahir ramai tokoh-tokoh yang terkenal yang bergiat aktif dalam penulisan khat.Khat ini dikatakan mendapat tempat dalam masyarakat sehingga hari ini dan keistimewaannya terlalu berharga, kerana seni merupakan satu seni yang lahir daripada bahasa Al-Quran yang diperturunkan oleh Allah s.w.t kepada umatnya sekalian alam.Idea yang kreatif dapat dilihat dengan pelbagai keunikan serta gaya penulisan oleh tokoh-tokoh tempatan mahupun luar negara.Objektif pengkaji adalah dalam memartabatkan seni khat dan penerimaan masyarakat itu sendiri terhadap seni khat.Penggunaan khat kini amat meluas di Kelantan terutama dalam ukiran pada bangunan instituti kerajaan,sistem pendidikan aspek kehidupan dan sebagainya.Khat mampu bergerak seiring dengan seni-seni yang lain, supaya mampu bersaing dan dinaik taraf ke arah yang lebih baik di peringkat global.

## ABSTRACT

Calligraphy is one of the most beautiful art, that is one of the oldest branch of Islamic art, the history of this greatest Islamic. This, represents the identity of a Muslim community that is full of beauty through the fineness of the writing is so neat and polite. Art this line treasure is an Islamic art to be preserved in the aspects of community universal life. It became a symbol of Muslim communities in the various skills, such as administration, education and calligraphy into intermediates and so on. Art society once and there was also born many famous personalities who are active in calligraphy. Calligraphy active in writing is said to have a place in society to this day is too precious and special, because art is an art that comes from the language of the Quran laid down by Allah to his people all the creative nature. Idea can be seen with a variety of unique and style of writing by the local leaders and rural country. Objective researchers are to upholding and acceptance of calligraphy to the arts community itself is now very widely calligraphy. Calligraphy was used in the state, especially in the carvings on the buildings of institutions government, the education system aspects of life and so on. Calligraphy is able to move in tandem with the other arts to be able to compete and upgraded to better globally.

---

KELANTAN

# ISI KANDUNGAN

**PENGHARGAAN**

**PERAKUAN TESIS**

**ABSTRAK**

**ISI KANDUNGAN**

	M/S
<b>BAB 1</b>	
<b>1.0 PENGENALAN KAJIAN.....</b>	<b>1-10</b>
<b>1.1 OBJEKTIF KAJIAN.....</b>	<b>11</b>
<b>1.2 PERSOALAN KAJIAN.....</b>	<b>12</b>
<b>1.3 PENYATAAN MASALAH.....</b>	<b>13-14</b>
<b>1.4 SKOP KAJIAN.....</b>	<b>15</b>
<b>1.5 KEPENTINGAN KAJIAN.....</b>	<b>16</b>
<b>1.6 KAEDEH KAJIAN.....</b>	<b>17-18</b>
<b>1.7 BATASAN KAJIAN.....</b>	<b>19</b>
<b>1.8 KERANGKA KAJIAN.....</b>	<b>20-22</b>
<b>1.9 KESIMPULAN.....</b>	<b>23</b>
 <b>BAB 2</b>	
 <b>KAJIAN TERDAHULU</b>	
<b>2.0 PENGENALAN.....</b>	<b>24-40</b>
<b>2.1 PANDANGAN TOKOH ISLAM DAN BARAT             MENGENAI SENI KHAT..</b>	<b>41-52</b>
<b>2.2 KESIMPULAN.....</b>	<b>53</b>

**BAB 3**

<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>M/S</b>
<b>3.0 PENGENALAN.....</b>	<b>54-56</b>
<b>3.1 RANGKA TEORI.....</b>	<b>56-59</b>
<b>3.2 KAEADAH KAJIAN.....</b>	<b>59-61</b>
<b>3.3 KESIMPULAN.....</b>	<b>62</b>

**BAB 4**

M/S

<b>ANALISIS DAN DAPATAN DATA</b>	<b>M/S</b>
<b>4.0 PENGENALAN.....</b>	<b>63-64</b>
<b>4.1 PENGGUNAAN SENI KHAT.....</b>	<b>64-70</b>
<b>4.2 KEISTIMEWAAN.....</b>	<b>71-72</b>
<b>4.3 KEINDAHAN.....</b>	<b>73-75</b>
<b>4.4 PENERIMAAN.....</b>	<b>76-79</b>
<b>4.5 MEMARTABATKAN KHAT.....</b>	<b>80</b>
<b>4.6 DAPATAN DATA MELALUI KAJIAN LAPANGAN.....</b>	<b>81-83</b>

**BAB 5**

<b>PERBINCANGAN,CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>M/S</b>
<b>5.0 PENGENALAN.....</b>	<b>84</b>
<b>5.1 PERBINCANGAN.....</b>	<b>84-86</b>
<b>5.2 CADANGAN.....</b>	<b>87-91</b>
<b>5.3 KESIMPULAN.....</b>	<b>92</b>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

##### SENI ISLAM

Tema seni 'Islamic' bukan hanya merujuk kepada seni yang dinyatakan oleh orang-orang yang tinggal di tanah yang mana, sebahagian besar atau orang yang paling penting adalah orang Muslim yang percayakan Islam. Oleh kerana itu, dengan menggunakan beberapa perbezaan dari istilah yang dibandingkan seperti 'Christian' atau seni 'Buddha'.

Seni Islam merujuk pada semua seni budaya Islam dan bukan hanya pada agama Islam. Seperti yang kita lihat, khususnya, seni memainkan peranan agama yang kecil dalam pelbagai besar seni Islam.

Everyman Encyclopedia memberikan takrif seni sebagai sesuatu yang dilakukan orang,yang bukan keperluan asas melainkan dilakukan kerana kemewahan,kenikmatan atau keperluan keharonian.Definisi Kesenian telah dibincangkan oleh ramai tokoh sejak manusia mencapai tamadun.Sebagai contoh,Herbert Read pernah mengaitkan seni sebagai keindahan kepada kesatuan hubungan bentuk-bentuk,sebagai hasil ekspresi yang melibatkan dua proses iaitu proses aktiviti fizikal dan aktiviti psikologikal.

Manakala Monroe Breadsky pula menghubungkan seni dan keindahan kepada sesuatu benda yang memiliki kesan yang menyenangkan terutama kepada manusia.

Aristotle turut menyatakan seni, iaitu sebagai hasil daripada peniruan bentuk alam apabila penciptanya turut menyertakan ideanya kepada peniruan kepada alam.Tokoh tempatan dari Malaysia pula iaitu Syed Ahmad Jamal pernah menyatakan bahawa seni Melayu sebagai sesuatu yang melahirkan rupa dan jiwa Melayu.

(*Siri kajian Naskhah Kesultanan Melayu Kelantan.126.Dewan Bahasa dan Pustaka 2006,Rogayah Abdul Hamid,Mariyam Salim.*)

KELANTAN

Secara ringkas, idea awal seni Islam di Arab pada abad ketujuh dan merangkumi pada abad kelima belas adalah semua tanah antara lautan Atlantik dan India, Asia Tengah dan padang pasir Afrika.Ia adalah satu idea moden yang jelas dihasilkan oleh orang bukan Islam dalam budaya itu sendiri tetapi juga tertumpu kepada golongan luar.

(*Islamic art,1994,Jonathan Bloom and Sheila Blair,5*)

Khat merupakan salah satu daripada kesenian yang cantik.Ia lahir dan berkembang dalam penulisan Arab dan terkandung dalam ruang lingkup peradaban Islam.Setelah kelahiran Islam,penulisan Arab telah memasuki tahap perkembangan yang begitu cepat.Sekitar abad pertama dan kedua selepas hijrah Rasulullah s.a.w, khat merupakan ciri untuk memperindahkan sesuatu penulisan.

Melalui khat, sesuatu bahasa dapat diungkapkan.Khat juga turut menjadi unsur asas daripada cabang-cabang keseniannya yang masih terpelihara hingga ke hari ini bagi meneruskan keunikannya sebagai suatu warisan kesenian Islam.

Terdapat satu lagi keistimewaan kesenian Islam iaitu dari segi kaligrafinya. Seni kaligrafi Islam atau lebih sinonim dengan nama ‘seni khat’ merupakan khazanah tertua di dunia yang masih dimiliki oleh umat Islam. Perkembangan Islam yang tersebar ke seluruh dunia, menyaksikan kaligrafi Islam diadaptasi dengan perubahan yang berlaku tanpa menghilangkan ciri dan nilai keislamannya.

Penulisan Khat yang pertama di dunia dipercayai dihasilkan di Kufah,Iraq dalam kurun ke tujuh. Akan tetapi, sistem penulisan khat ini terbukti telah bermula sejak zaman Rasulullah s.w.t sehingga zaman sahabat dan diikuti dengan zaman-

zaman pemerintahan Islam yang lain, seperti zaman kerajaan Umayyah, kerajaan Abbasiyah, kerajaan Mughal, kerajaan Islam di Andalus dan lain-lain zaman. Kesenian kaligrafi ini mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri.

Islam datang dengan membawa beberapa faktor tentang betapa perlunya penggunaan tulisan yang semakin bertambah luas ruang penggunaannya. Bidang penulisan telah memasuki era baru yang bergemerlapan dengan kedatangan Islam.

Sistem sosial yang baru diperkenalkan oleh Islam yang merangkumi aspek kebendaan dan maknawi. Penulisan telah menjadi perantaraan terpenting dalam soal penetapan pancatatan, pengajaran dan penghebahan sehingga berkembang luas. Lebih kurang abad selepas penghijrah Nabi, seni khat telah menjadi manifestasi perkembangannya selama tiga abad sebelum itu.

Dengan turunnya lima ayat pertama kepada Nabi s.a.w yang dimulai dengan firman Allah s.w.t Iqra bacalah, maka penulisan telah memperoleh kepentingan suci yang sehingga kini menjadi kukuh terpelihara. Kemudian turun pula ayat-ayat lain yang sering mengaitkan penulisan dengan sumber ketuhanan dan memerintahkan penggunaannya sehingga tulisan mendapat kedudukannya dalam kehidupan umat Islam sebagai satu keperluan asas.

MALAYSIA  
UNIVERSITY  
KELANTAN

## Pertumbuhan Khat dan tulisan Arab pada zaman jahiliah.

Terdapat berbagai-bagai pendapat tentang kelahiran Khat Arab, antaranya ialah kelahiran seni khat yang berbentuk *tawqifi*. Pendapat ini cuba mengaitkan kelahiran khat ini dengan sumber ketuhanan. Aliran ini berpendapat bahawa Adam a.s adalah pengasas kepada segala bentuk tulisan.

Nabi Adam mempelajarinya daripada Allah S.W.T dan kemudiannya menulis tulisan-tulisan itu dalam pelbagai buku. Setelah banjir besar surut, setiap bangsa menerima buku masing-masing. Buku bertulisan Arab menjadi milik Nabi Ismail a.s.


Berkenaan perkara ini, beberapa riwayat telah menyebutkannya tentang para individu Arab yang menyebarkan tulisan Khat. Riwayat tersebut menyatakan bahawa para individu ini adalah orang yang pertama mengasaskan seni Khat.

Selain daripada itu, seni Khat Arab juga terdiri daripada Khat al-Musnad yang juga dikenali dengan nama Khat Arab Utara atau Khat Humairi. Khat al-Musnad telah tersebar di persekitaran al-Mundhir dan Syam melalui rombongan perniagaan yang berdagang di antara orang Arab Yaman dan orang Arab yang bermukim di Syria dan di Iraq di Utara Semenanjung tanah Arab.

Melalui mereka, Khat kemudiannya dibawa secara langsung ke bumi Hijaz. Walau bagaimanapun, pandangan ini tidak dapat dibuktikan melalui ukiran Khat yang terdapat pada hari ini.

Ukiran ini boleh dijadikan bahan ukuran untuk mengetahui tahap-tahap perkembangan yang dilalui oleh seni Khat Arab Utara.

(Romzi Omar Dan Fauzi Mustapha, pada tahun 2000, Seni khat warisan Islam: dewan bahasa dan pustaka K1 dan Research centre for Islamic history art and culture Istanbul.)



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Khat bermaksud tulisan tangan yang cantik yang dihasilkan dengan menggunakan berus atau pen khas,kaligrafi seni.Manakala mengekhatkan pula ialah menuliskan sesuatu samada tulisan jawi,Ayat-ayat Al-Quran yang dikhatkan di atas kertas sutera bernilai 10 ribu.Kaligrafi pula ialah seni menulis dengan indah,Seni Khat dan tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan indah sebagai suatu seni Khat.

*(Kamus Dewan Edisi keempat Dewan Bahasa dan Pustaka 2007)*

Seni Khat adalah sebagai satu hasil seni tampak yang secara tabii lahir daripada rasa budaya yang halus masyarakat Islam yang menghayati Islam dan ditampilkan untuk menghiasi kitab,Mushaf,majalah Istana,Masjid,rumah atau bangunan awam.

Penampilan budaya halus dan seni begini memberi gambaran kehalusan budi dan rasa umat Islam.Seni Khat menduduki tempat istimewa di dalam seni Islam telah mewarnai alam kesajernaan,di samping memperkaya lagi khazanah kesenian dan tamadun Islam.

*(A.Aziz Deraman ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Jun 2000.)*

Di samping itu menyatakan pula bahawa,Khat ialah hasil daripada perkembangan evolusi islam di China melalui seni kaligrafi pada hampir sekitar zaman pembaharuan di China.

(*Leiden Brill Encyclopedia of Islam new editions .*)

Berbicara mengenai peluasan penggunaan tulisan jawi sebagai lambang dan hiasan,hadis ada menyatakan bahawa Allah itu maha indah sangat menyukai keindahan.Kerana itu,di sepanjang sejarah Islam banyak tokoh-tokoh Islam menyatakan tentang keindahan.

Antaranya ialah Kadi Ahmad Ibnu Mir Munshi Al-Hussain menyatakan tidak ada keindahan yang lebih dinikmati dalam tulisan yang indah.Berlatarkan hakikat sejarah bahawa, huruf Arab telah digunakan di alam melayu selepas kedatangan Islam pada kurun pertama hijrah.

Perkembangan Islam semakin mendalam, di kalangan penduduk bumi nusantara menimbulkan hasrat orang-orang melayu beragama Islam hendak melahirkan pula rasa indah dan seni daripada ajaran-ajaran Islam itu dalam bentuk tulisan yang indah yang dinamakan seni Khat Melayu.

Khat Melayu dikenal juga dengan huruf jawi.Perkataan huruf jawi merupakan istilah bagi menunjukkan huruf Arab yang digunakan untuk menulis bahasa melayu,malah perkataan jawi sendiri berasal dari kata jawa yang sering digunakan oleh musafir-musafir Arab untuk menceritakan keadaan pulau dan penduduk di kepulauan melayu.

Barangkali, penggunaan istilah jawi itulah kemudian diikuti oleh orang Melayu sendiri untuk menyebut tulisan Arab yang mereka gunakan itu sebagai huruf jawi. Perkembangan agama Islam yang semakin mendalam di kalangan orang-orang Melayu, menyebabkan semakin perlunya orang melayu mengetahui isi-isi ajaran Islam dan makin lama terus timbulnya perasaan cinta kepada ajaran-ajaran itu, malah orang-orang melayu hendak melahirkan rasa seni kepada ajaran-ajaran itu, melalui tulisan-tulisan yang indah. Perkembangan Khat jawi tidak dapat dipisahkan dari perkembangan Khat Arab itu sendiri di tanah asalnya dan di Negeri-Negeri Islam di Timur dan sebelah Barat. Tulisan Khat Khufi menjadi model bagi seluruh perkembangan seni Khat Islam, di seluruh dunia Islam dan tidak ketinggalan di alam Melayu dalam perkembangan seni Khat itu.

Selain daripada makam-makam Khat yang indah, terdapat juga pada dinding-dinding rumah orang-orang Islam, berisi potongan ayat-ayat Al-Quran dan di mimbar-mimbar masjid, di kulit buku atau hiasan di tepi buku bahagian permulaan, di kain-kain songket, dalam matawang kerajaan-kerajaan melayu, pada kitab-kitab agama dan pada rehal tempat letak Al-Quran.

Pada akhir abad ke -19 kita dapati juga pada surat khabar dan majalah-majalah. Batapa kayanya warisan tulisan khat jawi itu di tanah air kita dengan terdapat bermacam gaya seperti gaya Khufi, Nasakh, Tuluth, Diwani Farisi dengan Rig'ah. Pada dinding rumah orang Melayu pada zaman dahulu dihiasi pula dengan seni Khat ini yang umumnya bergaya tulisan Tuluth.

Tulisan Khat juga bukan sahaja digunakan untuk menulis ayat-ayat Al-quran, tetapi untuk menulis piagam dan peringatan atau peristiwa bagi sesuatu peristiwa penting seperti batu bersurat di Terengganu.

Melihat bahawa di dalam sepanjang sejarah tanah air kita bahawa,tulisan Khat jawi telah lama digunakan untuk menghiasi pelbagai ruang,Maka zaman mutakhir ini ada zaman terkini pula untuk menghiasi kembali ruang dan halaman tulisan Khat kerana selain itu dapat mengharmonikan suasana ruang kerana di dalam tulisan jawi itu mengandungi sifat-sifat estetik dan dekoratif.

(*Tamadun rumpun bangsa*

*melayu,1913,AbdulRahman*

*Kementerian*

*Kebudayaan,kesenian dan warisan*

*Malaysia.)*

# UNIVERSITI

---

# MALAYSIA

---

# KELANTAN

## **1.1 OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji perlu memahami objektif sebelum menjalankan kajian terhadap penggunaan seni khat dalam masyarakat melayu di Kelantan.

**1.12** Bagi memberi pendedahan kepada masyarakat luar serta golongan muda mudi supaya mengetahui dan menghayati betapa indah dan pentingnya seni khat dalam kehidupan seharian.

**1.13** Mengkaji penerimaan dan penggunaan seni tulisan Khat dalam kehidupan masyarakat di Kelantan.

**1.14** Memartabatkan kembali seni Khat dan sistem pendidikan, dengan mewujudkan sistem pendidikan yang berteraskan pembelajaran Khat, bagi mewujudkan sebuah Negara Islam yang terunggul.

**1.15** Mengetahui dengan lebih mendalam tentang keistimewaan seni khat.

**1.16** Mewujudkan sebuah Negara Islam yang beridentitikan seni Khat dalam semua aspek kehidupan.

**1.17** Mengkaji nilai estetika.

## **1.2 PERSOALAN KAJIAN.**

- 1.21** Adakah Seni khat itu masih diterima oleh masyarakat kini.
- 1.22** Di mana indahnya seni Khat.
- 1.23** Adakah seni Khat ini,hanya tertumpu pada masjid dan pusat pengajian Islam semata-mata.
- 1.24** Apa istimewanya seni Khat,berbanding dengan seni yang lain.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.3 PENYATAAN MASAALAH.

Dalam perkembangan industri kesenian Islam sekarang, terdapat pelbagai hasil seni yang semakin popular terutama seni Khat. Seni khat dikatakan kurang mendapat tempat dalam masyarakat kita sekarang. Namun begitu, jika dilihat dalam dunia sekarang, seni Khat kini hanya dijadikan sebagai hiasan rumah dalam bentuk bingkai gambar yang bercirikan tulisan khat yang pelbagai.

Penggunaannya tidak meluas dan masyarakat sekarang tidak lagi memandang seni khat sebagai satu hasil seni yang mampu mengangkat sebuah negara sebagai negara yang bercirikan negara Islam. Golongan remaja sekarang sudah hilang penghayatan pada keindahan seni Khat disebabkan oleh faktor persekitaran dan cara hidup barat. Segelintir remaja sekarang dikatakan ramai yang buta jawi. Pembacaan, penulisan dan pemahaman terhadap dunia jawi semakin lenyap menyebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran dan kepandaian yang sepenuhnya.

Selain daripada itu, satu lagi permasalahan yang dikenalpasti oleh pengkaji ialah peranan serta tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak dalam bidang agama diabaikan.

Perubahan teknologi sekarang telah meneggelamkan dunia seni khat. Seni khat kini kurang mendapat perhatian kerana ditenggelamkan oleh tulisan yang berteraskan teknologi terkini seperti seni grafik, multimedia dan lukisan digital. Tambahan pula, ramai golongan remaja sekarang yang buta jawi dan tiada kemahiran dalam penulisan ayat-ayat Al-Quran yang berteraskan tulisan Khat.

Sekarang, penggunaan seni Khat juga dilihat terhad, contohnya dari segi pendidikan, iaitu hanya diajarkan di sekolah pondok dan sekolah agama sahaja. Selain itu juga, kebanyakkan Khat hanya digunakan pada bangunan masjid, ukiran pada rumah dan dijadikan hiasan dinding.

Keindahan seni khat juga diabaikan oleh masyarakat kini. Seni khat dikatakan memiliki nilai estetikanya yang tersendiri yang perlu dihayati oleh masyarakat dan golongan remaja.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **1.4 RUANG LINGKUP KAJIAN/SKOP KAJIAN.**

Dalam skop kajian pengkaji, lokasi kajian yang dijalankan adalah di Kelantan. Di Kelantan pula, pengkaji telah bataskan kepada sekitar bandar Kota Bharu.

Sasaran pengkaji pula adalah kepada golongan remaja yang berumur 18 tahun ke atas, iaitu terdiri daripada masyarakat di sekitar Kota Bharu serta golongan warga emas yang berumur dalam lingkungan 45 tahun ke atas. Pengkaji akan menjalankan kajian melalui penyelidikan secara kualitatif yang menggunakan kaedah metodologi secara temubual, pemerhatian, kajian perpustakaan serta kajian lapangan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam sesebuah kajian, kepentingan kajian juga merupakan satu perkara yang penting. Pengkaji ingin menjalankan kajian ini kerana ingin mengetahui tentang kebaikan dalam kajian yang dijalankan. Kepentingan kajian ini adalah untuk:-

- 1.51** Bagi mengekalkan identiti seni Islam dan memelihara warisan ini supaya tidak hilang ditelan arus kemodenan.
- 1.52** Menjadi rujukan kepada pengkaji dan pembaca yang meliputi pelajar masyarakat dan instiuti terutama dalam pengajian agama dan pembelajaran jawi.
- 1.53** Penting dalam menjana sebuah negara Islam yang berdaya saing serta melambangkan ketamadunan sesebuah negara Islam yang berjaya.
- 1.54** Melahirkan masyarakat yang cintakan bidang penulisan Khat melalui pertandingan penulisan jawi,pembacaan,ceramah, rancangan ruangan agama dan seminar seni Khat yang dianjurkan oleh instiuti yang terlibat, dalam membentuk generasi yang mampu menjadi perintis pada masa hadapan.

MALAYSIA  
KELANTAN

## **1.6 KAEADAH PENYELIDIKAN**

Kaedah kajian adalah satu kaedah yang membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat dengan mengenalpasti, bagaimana kaedah yang hendak digunakan dalam mendapatkan data.Terdapat beberapa kaedah yang pengkaji akan gunakan dalam kajian..Dalam kaedah kajian,pengkaji menggunakan kaedah data secara kualitatif.Antara kaedah yang digunakan ialah:-

### **1.61 Kaedah temubual**

Data-data melalui kaedah temubual akan menyumbang maklumat kepada pengumpulan maklumat. Pengkaji akan menemui responden yang dapat melayu.Temubual akan dijalankan di lokasi yang telah pengkaji nyatakan iaitu di Kota Bharu.Kaedah ini akan dijalankan secara langsung antara pengkaji dan responden.

### **1.62 Kajian perpustakaan**

Dalam kajian saya juga cuba mendapatkan maklumat tentang kajian yang ingin dibuat melalui kajian perpustakaan.Kajian ini akan membantu mengumpul maklumat daripada hasil pembacaan beberapa bahan bacaan ilmiah.

### **1.63    Kaedah pemerhatian.**

Melalui ini juga, pengkaji turut menggunakan kaedah pemerhatian secara langsung dan mengenalpasti lokasi yang berkaitan.

### **1.64    Rakaman gambar**


Rakaman gambar diambil sepanjang melakukan kajian terutama dalam kajian lapangan.

### 1.7 BATASAN KAJIAN

Dalam batasan kajian,pengkaji telah menghadkan kajian di sekitar Bandar kota Bharu Kelantan.Khat yang dikaji juga dibataskan kepada Khat Tuluth.Kajian pengkaji hanya tertumpu Khat pada bangunan Instituti Kerajaan, pintu gerbang dan Masjid.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.8 KERANGKA KAJIAN



Sepanjang sejarah tanah air kita,tulisan khat jawi telah lama digunakan untuk menghiasi pelbagai ruang, maka dalam zaman mutakhir ini, ada trend untuk menghiasi kembali ruang dan halaman dengan tulisan khat kerana selain untuk mengharmonikan suasana ruang.Di dalam tulisan jawi itu, mengandungi sifat-sifat estetif dan dekoratif.Hal ini dapat kita lihat pada ruang-ruang dan bangunan-bangunan tertentu di seluruh Malaysia hari ini.

Dengan timbulnya kembali kesedaran di kalangan masyarakat Islam, bukan sahaja untuk kepentingan semasa tetapi untuk penyelidikan ilmiah,sejarah dan budaya serantau.Dengan adanya arahan daripada Kementerian Pendidikan, supaya tulisan jawi diajarkan semula di sekolah-sekolah mulai daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah menunjukkan keakraban silaturrahim antara tulisan jawi dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Kepentingan penghayatan dan penggunaan tulisan jawi bukan sahaja dalam rangka pengajian agama di Malaysia dan di luar negeri, tetapi juga di dalam rangka hubungan antarabangsa yang menggunakan tulisan Arab sebagai tulisan rasmi mereka.Memandangkan tulisan khat jawi di samping mempunyai nilai estatif dan dekoratif,maka disyorkan supaya tulisan khat digunakan kembali sebagai lambang dan hiasan untuk lokasi,taman-taman,bangunan-bangunan dan jalan raya serta tempat-tempat umum lain.Penggunaan tulisan jawi sebagai lambang dan hiasan,bukan sahaja untuk memperlihatkan sebuah negara yang bercirikan agama dan keperibadian bangsa,malah untuk memperlihatkan kehalusan dan keindahan citarasa negara dalam mempamerkan citra imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam di rantau ini.

Berdasarkan kepada faktor-faktor dan pertimbangan di atas, wajarlah tulisan jawi digunakan di bangunan-bangunan kerajaan,bangunan-bangunan swasta,gedung-gedung pakaian dan tempat-tempat awam seperti di pusat membeli-belah,untuk papan-papan tanda jalan,tempat-tempat bersejarah,kawasan-kawasan awam dan taman-taman di sekitar Bandar Kota Bharu.Tulisan-tulisan jawi juga patut digunakan pada surat-surat kerajaan,pada majalah,surat khabar,buku-buku ilmiah,badan-badan berkanun dan di Instituti pendidikan agama.Seni khat ini juga perlu dimartabatkan, bagi menjadikan sebuah negara yang beridentitikan sebuah negara Islam yang terunggul di seluruh negara.Masyarakat kini memerlukan bimbingan serta pendedahan agar mencintai jawi bagi melahirkan seorang Islam yang berjiwa seni dan memupuk sikap cintakan seni Islam.Islam lebih indah, jika masyarakat memelihara tulisan khat sebagai salah satu keperluan yang amat rapat dalam kehidupan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya,dalam masyarakat kita atau sesiapa sahaja haruslah menghayati kepentingan dan penggunaan seni khat dalam kehidupan seharihan.Seni khat perlu dimartabatkan semula dalam menjadikan sesebuah negara sebagai negara islam yang maju dan berdaya saing.Anak-anak kecil perlu diajar membaca serta menulis jawi pada peringkat sekolah rendah lagi.Instiuti pendidikan juga perlu memainkan peranan penting dalam menggunakan sistem pengajaran dalam bahasa jawi terutama dalam subjek pendidikan bahasa Arab.Ia perlu dipertingkatkan serta diperkuuhkan dalam sistem pembelajaran.Seni khat sememangnya perlu dimartabatkan serta masyarakat kita hari ini perlu ada semangat cintakan bahasa Al-quran dalam kehidupan seharihan.Sejurus itu dapat melambangkan negara sebagai satu negara Islam yang unggul di mata dunia.

Berdasarkan keterangan dari sejarah yang telah dilalui tanah air kita dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi, dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah memperuntukkan tiga prinsip Kebudayaan yang berteraskan kepada Kebudayaan rakyat asal rantau ini,unsur-unsur yang wajar dan Islam sebagai unsur penting,melaksanakan penggunaan tulisan jawi sebagai lambang dan hiasan dan sebagai satu unsur yang menepati kehendak tersebut.Langkah yang positif pelu diambil segera dengan melaksanakan peggunaan tulisan jawi sebagai lambang dan hiasan dan juga sebagai satu unsur kesenian, estetika dan dekoratif di Malaysia dalam rangka pembinaan kebudayaan Kebangsaan.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 PENGENALAN

Terdapat banyak kajian yang dijalankan oleh para sarjana serta tokoh-tokoh yang terlibat dalam seni Islam, terutama seni khat. Kajian yang telah dilakukan mereka, dijadikan sebagai sumber bahan rujukan kepada pengkaji-pengkaji baru selain daripada sebagai maklumat tambahan dalam penyelidikan.

Kombinasi kaligrafi dan seni, adalah sesuatu yang membawa kepada keindahan Islam. Kesenian Islam merangkumi hasil kerja seni yang berlandaskan ajaran Islam. Pengaruh Islam dalam kesenian Islam di Asia Tenggara ini jelas kelihatan pada batu nisan masjid dan perhiasan-perhiasan rumah. Al-Quran yang dihiasi dengan tulisan kaligrafi Arab atau kaligrafi mencerminkan keindahan agama Islam itu sendiri.

## ESTETIKA

Estetika merupakan sebahagian filsafat(keindahan),yang berasal dari pengertian persepsi indra.Pada perkembangan awal ini,estetika disebut dengan istilah keindahan yang merupakan sebahagian daripada filsafat metafizik.Secara etimologi filsafat berasal dari bahasa Yunani, iaitu *philosophia*,dari akar kata *philia* atau *philiean*,bererti mencintai.Keindahan sangat diperlukan dalam kehidupan manusia khususnya untuk keperluan rohani sebagai keperluan emosi.

Keindahan bukan semata-mata pada hasil karya seni.Setiap aspek kebudayaan,aspek kehidupan manusia menampilkan ciri-ciri keindahan.Sikap,tingkah laku dan perbuatan sehari-hari menampilkan pelbagai keindahan.Lambaian tangan,kerdip mata dan anggukan kepala,apabila dilakukan dengan mempertimbangkan aspek keindahan,dengan itu akan memberikan kenikmatan pada diri.Menghargai keindahan bererti menghargai kebesaran Tuhan.

Menurut Anthony Synnott(2003) mitos kecantikan yang paling lama yang menyakinkan bahawa kecantikan baik,sebaliknya kecantikan tidak baik.Manakala menurut Shipley (1957) istilah yang digunakan adalah keindahan *beauty* yang berasal dari bahasa latin,iaitu *bellus* yang juga diturunkan melalui *bonum* yang bermaksud sesuatu yang baik,sifat yang baik,keutamaan dan kebijakan.Plato pula mengatakan bahawa langkah pertama untuk memperolehi pemahaman mengenai keindahan adalah mencintai atau memerhati.

KELANTAN  
Estetika Sastra dan Budaya,Febuari 2007, Prof

Dr.NyomanKutha Ratna,S.U.

Keindahan ini membezakan kaligrafi dengan bahasa lain. Jenis huruf yang disambungkan dengan satu sama lain mengekspresikan keindahan kaligrafi Arab. Penyataan Al-Quran dalam Bahasa Arab dan skrip sebagai media. Antara Firman Allah dengan makhluk-Nya, membuktikan kepada umat manusia tentang betapa indahnya kaligrafi Arab sehingga dipilih oleh Allah yang Maha kuasa. Kaligrafi Arab juga mempunyai nilai estetika tinggi, ketika dihiasi dengan pelbagai jenis kaligrafi seperti Dewani, Kufi, Nasakh, Rikaah, Thulut dan lain-lain.

Memang, keunikan pelbagai jenis kaligrafi ini mendorong lelaki untuk lebih mencipta sesuatu yang baru, dan juga mempengaruhi jiwa menuju keamanan, kemakmuran, kebahagiaan dan pada masa yang sama mengajak umat manusia menghayati kebenaran Ilahi. Satu aspek yang sangat relevan dengan perkembangan bahasa, menurut perspektif Islam ialah seni. Seni adalah sesuatu yang indah. Ia merupakan satu fenomena yang menjadi idaman setiap insan, kehalusan akhlak dan sentuhan jiwa telah menyemarakkan lagi hati seseorang untuk menjadikan seni sebagai idaman. Seorang yang mempunyai jiwa yang halus akan melahirkan nilai-nilai seni yang lembut, manakala kekasaran sifat dan akhlak seorang akan membentuk seni yang kurang mendapat perhatian orang lain, dalam erti kata lain, ia akan memudahkan seseorang menilai diri orang lain, melalui sikap dan percakapan serta akhlaknya. Umumnya seni adalah satu perkara yang boleh didefinisikan sebagai manifestasi daripada perasaan dan fikiran dengan berbagai-bagai cara dan bentuk. Seni wujud dalam bentuk sastera, lagu, tulisan, ukiran, senibina, dan lain-lain. Islam bukan sahaja membenarkan kesenian dengan berbagai-bagai caranya, tetapi ia menggalakkan perkembangan kesenian tersebut. Namun demikian, kebenaran Islam haruslah menepati dan seiring dengan syariat Allah S.W.T.. Nabi s.a.w bersabda yang

bermaksud “*Bahawa sesungguhnya Allah S.W.T itu indah dan kasih kepada yang indah*”.

Mengikut huraian ahli-ahli seni, seni khat atau kaligrafi mempunyai kedudukan istimewa dalam masyarakat Islam, maka kepada mereka yang arif dalam ilmu ini juga mendapat tempat dan kedudukan tertentu. Di negara bukan Islam juga khat Arab mendapat tempat, khususnya negara-negara yang telah menjadi destinasi orang Islam seperti Amerika, England, Scotland, Holand, Perancis, Jerman, China dan beberapa buah negara di Afrika Selatan.

Justeru itu tindakan Nabi Muhammad s.a.w mengeluarkan tawaran istimewa kepada tawanan perang di kalangan kuffar adalah sangat relevan. Baginda Rasulullah bersedia membebaskan ramai di kalangan orang tahanan perang dari orang-orang kuffar jika sekiranya mereka berjaya mengajar menulis dan membaca kepada sepuluh orang anak-anak orang Islam yang buta huruf. Tindakan Rasulullah s.a.w itu telah membuktikan bahawa ilmu dan penulisan Islam telah sampai ke tangan orang-orang bukan Islam, sehingga orang Islam sendiri dibenarkan oleh Rasul mempelajari ilmu penulisan dan bahasa di tangan orang bukan Islam.

MALAYSIA  
KELANTAN

## Seni kaligrafi dan keistimewaan orang Arab.

Perlu disentuh di sini bahawa, setiap umat di dunia dikurniakan oleh Allah S.W.T. dengan keistimewaan-keistimewaan tertentu. Kadang-kadang keistimewaan tersebut datangnya melalui sudut yang bebeza-beza sama ada dalam bentuk fizikal, mental, suara dan lain-lain. Keistimewaan-keistimewaan yang ada pada mereka itu telah menyumbangkan sesuatu kepada bangsa tersebut dalam usaha menuju ke arah ketamadunan yang lebih mapan, sekaligus menjadikan mereka lebih dihormati dan disegani oleh bangsa-bangsa lain.

Bangsa Arab adalah satu bangsa yang telah dianugerahkan kepada mereka oleh Allah S.W.T. dengan kelebihan-kelebihan tertentu, di antaranya ialah bahasa Arab. Sesungguhnya bangsa Arab di antara bangsa yang telah lama wujud di atas muka bumi bermula sejak di zaman Nabi Isma‘il a.s. Ibn Ibrahim a.s.. Justeru bermula dari tarikh Nabi Ibrahim a.s., Baginda dinisbahkan sebagai insan pertama yang bertutur di dalam bahasa Arab. Rasulullah s.a.w. telah menegaskan bahawa Nabi Ibrahim telah diilhamkan bahasa Arab oleh Allah S.W.T dan Baginda ialah insan pertama yang bertutur dengan bahasa tersebut.

Justeru boleh disifatkan bahawa bahasa Arab mempunyai lima aspek utama yang menyebabkan ia dinobatkan sebagai bahasa yang berada di tempat tertinggi, lebih-lebih lagi ia mempunyai ciri-ciri yang amat berbeza dengan bahasa-bahasa lain di dunia, di antaranya bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan Allah S.W.T. dengan makhlukNya. Bahasa Arab sebagai bahasa al-Qur'an yang dibaca oleh seluruh umat Islam sama ada di dalam solat mereka maupun di luar dari solat. Bahasa Arab adalah bahasa pertuturan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Bahasa Arab mempunyai tamadun yang agak lama berbanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Bahasa Arab telah diiktiraf sebagai salah satu bahasa perantaraan antarabangsa. Pengiktirafan tersebut telah dibuat oleh PBB pada 28 Disember 1973. Menurut Prof. Hijazi, PBB juga telah mengiktirafkan Bahasa Arab sebagai bahasa yang ke-7 selepas bahasa-bahasa lain di dunia. Kelima-lima faktor di atas telah menobatkan bahasa Arab berada di kemuncak bahasa-bahasa lain mengikut perspektif umat Islam, malah telah membezakan daripada bahasa-bahasa lain di dunia. Oleh yang demikian, sudah memadai untuk umat manusia mempercayai bahawa bahasa Arab ialah bahasa yang mempunyai beberapa keunikan berbanding dengan bahasa-bahasa lain disebabkan oleh keindahan suaranya, kepadatan maknanya, keganjilan sebutannya, kemerduan bunyinya, keindahan hurufnya sehingga menjadikan ia satu-satu bahasa yang telah dipilih oleh Allah S.W.T sebagai kalam untuk menyampaikan wahyuNya kepada makhluk manusia. Justeru itu, sekiranya keindahan bahasanya sudah diperakui umum, maka apa salahnya keindahan itu dikongsi bersama oleh khat atau kaligrafinya. Oleh yang demikian, bukan menjadi satu keajaiban dan kehairanan sekiranya dikatakan khat Arab di antara khat-khat yang paling indah seiring dengan bahasa Arab itu sendiri.

MALAYSIA  
KELANTAN

## Pengaruh kaligrafi Arab di Nusantara.

Sebagaimana yang telah diketahui bahawa ahli-ahli sejarah telah menyatakan bahawa bangsa Arab di antara kaum yang paling banyak menjalankan perdagangan dan perniagaan mengikut jalan laut. Ini bermakna tidak keterlaluan kalau dikatakan mereka lah yang telah mempelopori dan memonopoli perniagaan pada kurun-kurun sebelum kedatangan Islam. Seorang sarjana Islam Muhammad ibn Jarir Abu Ja`far al-Tabari telah menegaskan bahawa sebelum kedatangan Islam, orang-orang Arab telah pun belayar berulang alik dari China ke negara-negara Arab. Mereka belayar melalui Selat Melaka di tengah-tengah Kepulauan Melayu.

Seorang sarjana Islam moden Professor Dr Muhammad Zaki Badawi telah menegaskan perhubungan orang Arab dengan orang Melayu telah lama wujud. Penemuan sebiji tembikar Yunani yang dibuat pada tahun 500 sebelum Masihi dan dua keping dirham Baghdad di Kedah pada 848 Masihi<sup>24</sup> telah menunjukkan bahawa khat Arab telah pun sampai ke Kepulauan Malaya. Manakala seorang ulama Islam Nusantara yang terkenal Al-Allamah Syeikh Shamsuddin Al-Ansari telah menyatakan agama Islam mula tersebar di Nusantara sekitar kurun pertama Hijrah di zaman pemerintahan Khalifah `Uthman bin Affan' atau bermula sejak kurun pertama di zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Fenomena tersebut di atas telah membuktikan bahawa khat Arab telah pun sampai ke alam Melayu sejak kurun ke-8 Masihi lagi dan kedatangan Islam bermakna, khat Islam telah bertapak sejak 1400 tahun yang lampau.

KELANTAN

## **Jenis-jenis kaligrafi Islam di Nusantara.**

Sebagaimana yang telah ditegaskan diawal lagi bahawa seni khat Arab terlalu kaya dengan bentuk-bentuk tulisan sekaligus telah melahirkan perbezaan ketara di antara satu dengan yang lain. Perbezaan yang wujud di antara satu bentuk ke bentuk yang lain telah melahirkan nilai-nilai yang sangat tinggi dan mengangkat kedudukan khat Arab daripada khat-khat yang lain. Oleh itu, khat-khat tersebut telah tersebar ke seluruh pelusuk alam bukan hanya di alam Melayu sahaja, bahkan telah sampai ke Eropah dan Afrika Tengah. Adapun di Kepulauan Melayu hanya beberapa jenis khat sahaja yang telah sampai dan tersebar, di antara khat-khat yang telah sampai dan menjadi tulisan masyarakat Melayu Nusantara ialah seperti khat Nasakh,khat Tuluth,khat Kufi,khat Farisi,khat Riq'ah,khat Diwani,Diwani jali, khat raihani dan sebagainya.

### **Khat al-Nasakh.**

Khat Nasakh seakan-akan khat Thulus, dan lazimnya khat nasakh digunakan dalam penulisan al-Qur'an al-Karim, majalah dan juga surat khabar. Khat ini di antara salah satu khat Arab yang paling terkenal bukan hanya di negara-negara Arab, malah ia juga terkenal di seluruh pelusuk dunia Islam mahupun bukan Islam. Ini kerana umat Islam membaca al-Qur'an, dan secara lazimnya khat al-Qur'an ditulis dengan khat Nasakh. Mengikut ahli-ahli sejarah, khat Nasakh telah bermula di sekitar kurun ke-4 Hijrah dan ia telah di perkenalkan oleh beberapa orang Islam. Namun demikian, mereka berpendapat bahawa, ia telah diubahsuai oleh Ibn al-Bawab yang meninggal pada tahun 413 Hijrah. Oleh kerana itu khat Nasakh ini dianggap sebagai hasil yang telah diilhamkan oleh al-Bawab. Khat tersebut telah mula bertukar wajah sedikit demi sedikit apabila ia telah mula diguna pakai di beberapa buah negara Arab, di antaranya

al-Maghrib al-`Arabi (negara ini termasuk Libya, Moroko, Tunisia, Algeria, Andalusia). Di antara bentuk-bentuk baru khat nasakh dinamakan al-Khat al-Tunisi, al-Khat al-Maghribi, al-Khat al-Fasi, al-Khat al-Qayrawani, al-Khat al-Andalusi, al-Khat al-Tumbakti dan al-Khat al-Sudani. Pada tahun 1349 Hijrah, Seorang ahli khat Mesir, Muhammad Mahfuz telah mula mengubah bentuk khat ini dengan ilhamnya sendiri. Beliau telah berjaya mencetuskan bentuk khat nasakh yang baru dan menjadikan setiap ayat yang ditulis dengan huruf yang bentuknya seakan-akan mahkota. Lazimnya bentuk tersebut dimulakan di setiap permulaan perkataan, justeru sekiranya dihayati, khat ini kita akan melihat hurufnya berbentuk mahkota.



مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ فَلَيَقُولْ خَيْرًا أَوْ لَيَصُمْتُ

Contoh tulisan khat nasakh

## Khat al-Riqa'ah

Khat Riqa'ah diantara yang termasyhur di kalangan khat Arab dan hampir keseluruhan orang-orang yang menulis tulisan Arab menggunakan khat tersebut. Lebih-lebih lagi khat Riqa'ah mendapat tempat di dunia penulisan Arab dengan kesenian dan kecantikannya yang memudahkan bagi orang mempelajarinya. Khat Riqa'ah mula ditulis di sekitar tahun 1280 Hijrah. Sesungguhnya orang yang pertama mengilhamkan penggunaan khat Riqa'ah ialah Mumtaz Bik yang berasal dari Turki. Beliau telah berusaha memperkenalkan khat tersebut dan akhirnya berjaya diperkenalkan sekitar tahun 1280Hijrah. Ramai ahli-ahli sejarah mengatakan bahawa Mumtaz Bik di antara salah seorang penulis khat berbangsa Turki yang tersohor di kurun ke-12 Hijrah. Khat Riqa'ah telah terkenal di kurun tersebut sehingga sekarang. Justeru buku-buku dan majalah-majalah turut menjadikan di antara khat rasmi mereka ialah khat Riqa'ah.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ۖ إِنَّ الْإِنْسَنَ لَفِي ضُرٍّ  
إِلَّا الَّذِينَ ۚ أَمْسَأُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ  
وَتَوَاصَرُوا بِالْحُسْنَىٰ ۖ وَتَوَاصَرُوا بِالصَّبْرِ ۖ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

Contoh tulisan Khat al-Riqa'ah.

### Khat al-Thuluth

Khat Thuluth di antara khat Arab yang paling terkenal. Di sudut keunikan dan kecantikannya berbanding dengan khat-khat lain. Ia telah diperkenalkan oleh Al-Wazir bin Maqlah. Khat ini dikenali dengan keindahan dan kecantikan susunan hurufnya. Oleh kerana itu ahli-ahli khat tidak menganggap seseorang itu sebagai khattat, iaitu penulis khat sekiranya ia tidak mahir di dalam penulisan khat Thuluth.

Kecantikan khat thuluth ini menyebabkan para penulis khat telah bersetuju supaya khat Thuluth ini hanya dikhaskan untuk tulisan-tulisan yang berbentuk hiasan sahaja. Lebih menarik lagi apabila khat Thuluth dipilih sebagai perhiasan khusus, penyeri tempat-tempat yang mendapat perhatian umum seperti di dinding-dinding masjid ataupun dewan-dewan yang penting yang menjadi tempat tumpuan ramai. Disebabkan kecantikan khat Thuluth juga, ia dipilih sebagai tulisan di bahagian dinding depan Masjid Nabawi di Madinah serta ia ditulis di kain Ka`bah (Kiswah Ka`bah). Penghormatan yang diberi ini sekaligus telah menaik dan melahirkan kehebatan dan kemegahan Ka`bah yang sememangnya menjadi kebanggaan seluruh umat Islam ka`bah.



Contoh tulisan khat tuluth dengan keunikan susunan hurufnya yang begitu indah.

### Khat al-Farisi

Khat diilhamkan oleh seorang ulama Islam yang tersohor di abad itu iaitu **Mir Ali al-Tibrizi** yang meninggal pada tahun 919H. Khat-khat tersebut terkenal di beberapa negara seperti India, dan Pakistan. Bentuk khat jenis ini diperkembangkan oleh ahli-ahli khat Arab di Persia ini melahirkan gaya tersendiri dengan bentuk hurufnya yang condong sedikit ke kanan. Ia banyak digunakan untuk penulisan buku-buku sastera, nama dan judul karangan pada majalah, surat khabar dan lain-lain. Khat Farisi banyak dipakai di Persia, Pakistan dan Turki. Tulisan Urdu lazimnya ditulis dengan khat farisi.




Contoh khat farisi

## Al-Khat al-Diwani

Mengikut Shaykh Zaki Muhammad Hassan, khat ini telah diilhamkan oleh seorang ahli seni Khat Turki iaitu **Ibrahim Munif al-Muslim**. Khat Diwani berkembang daripada bentuk Riq'ah yang menjadikan hurufnya jalin-berjalin. Tulisan ini diguna pakai di pejabat kerajaan.



Pada masa kerajaan Islam di Mesir berada di bawah kerajaan Sultan-sultan Khedewey sekitar tahun 1220 Hijrah dan selepasnya khat ini diguna pakai untuk penulisan surat rasmi, surat keputusan, surat perjanjian, surat penghargaan, piagam dan sebagainya. Ketika itu, pejabat kerajaan bernama 'Diwan Malaky'. Oleh sebab itu, surat-surat yang dikeluarkan dari Diwan Malaky itu disebut surat-surat Diwani dan tulisannya disebut Khat Diwani. Antara ahli-ahli khat diwani yang termahsyur ialah Syeikh Hamdullah al-Ansary, Jalaluddin dan Al-Hafiz Usman.



Khat Al -Diwan

## Al-Khat al-Kufi

Khat kufi yang berasal dari Kufah ini ialah bentuk khat yang paling tua dalam sejarah dan berkembang pada zaman khalifah Ali Bin Abi Talib.Khat kufi yang kelihatan berbentuk segi.Khat ini banyak dijadikan hiasan dinding pada masjid.Gapura,Menara azan, timbul,hiasan buku,majalah,poster,sepanduk dan ayat suci al-Quran pertama ditulis dalam bentuk khat kufi.



Contoh khat kufi

### Al-Khat al-Maghrib


Khat Maghribi dianggap sebagai khat Arab yang paling popular dan tersebar luas di sebahagian besar Benua Afrika Utara dan amat terkenal di Andalusia. Ia merupakan pecahan daripada khat Kufi kuno, justeru khat ini juga dinamakan dengan Khat Qayrawan bersempena nama sebuah bandar di Moroko iaitu bandar Qayrawan. Para sarjana Islam sepakat mengatakan bahawa pengasas khat Maghribi ialah `Uqbah bin Nafi` pada tahun 50 Hijrah. Kenyataan di atas memberi gambaran bahawa khat Maghribi merupakan khat yang sering digunakan sejak pada zaman para sahabat Nabi s.a.w. lagi.



KELANTAN  
**Khat Al-Maghrib**



### Khat al-Ijazah

Ahli sejarah berpendapat bahawa khat ini telah diilhamkan oleh seorang ahli khat Islam yang bernama **Miyar `Ali Sultan al-Tibrizi** pada tahun 919Hijrah. Beliau telah berjaya menghasilkan khat ini setelah beliau berjaya mencantumkan dua seni khat dalam satu iaitu di antara khat Nasakh dengan khat Thuluth. Kemunculan khat tersebut berpunca daripada kecantikan dan kesenian yang terdapat pada ukirannya yang mengambarkan keindahan khat Arab itu sendiri. Khat ini telah terkenal di sebahagian besar tanah Arab.



Khat Al-Ijazah

MALAYSIA  
KELANTAN



The Mosque, History Architectural  
Development and Regional  
Diversity, (2003) Martin and  
Frishman and Hassan –Uddin  
Khan.

## 2.1 PANDANGAN TOKOH ISLAM DAN BARAT MENGENAI SENI KHAT.

Seorang sarjana Islam moden Professor Dr Muhammad Zaki Badawi telah menegaskan perhubungan orang Arab dengan orang Melayu telah lama wujud. Penemuan sebiji tembikar Yunani yang dibuat pada tahun 500 sebelum Masihi dan dua keping dirham Baghdad di Kedah pada 848 Masihi telah menunjukkan bahawa khat Arab telah pun sampai ke Kepulauan Melayu.

Manakala seorang ulama Islam Nusantara yang terkenal Al-Allamah Syeikh Shamsuddin al-Ansari telah menyatakan agama Islam mula tersebar di Nusantara sekitar kurun pertama Hijrah di zaman pemerintahan Khalifah `Uthman bin `Affan atau bermula sejak kurun pertama di zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Fenomena tersebut di atas telah membuktikan bahawa khat Arab telah pun sampai ke alam Melayu sejak kurun ke-8 Masihi lagi dan kedatangan Islam bermakna khat Islam telah bertapak sejak 1400 tahun yang lampau. Kesenian merupakan satu perkara yang diharuskan di dalam Islam dan di antara kesenian yang digalakkan oleh Islam ialah Seni Khat Arab. Nabi s.a.w. telah memberi penekanan terhadap seni khat, sekalipun baginda seorang Ummi.

Syeikh Ali Abd Rahman al-Kelantan pernah menulis, Nabi s.a.w pernah bersabda, yang memberi maksud memberi penekanan ke arah tersebut berdasarkan kepada Hadith Rasulullah s.a.w. dalam sabdaNya (“Apabila kamu menulis Bismillah al-Rahman al-Rahim, maka cantikkanlah tulisan kamu sebagai membesar keagungan Allah S.W.T.”)

Dan di dalam Hadith yang lain Nabi s.a.w. telah bersabda ("Apabila kamu menulis Bismillah al-Rahman al-Rahim, maka panjangkan tulisan al-Rahman sebagai membesar keagungan Allah S.W.T.")

Jika diperhatikan kepada kedua-dua Hadith di atas, kita bertambah yakin bahawa setiap orang yang membaca Bismillah dalam apa-apa perbuatan boleh dikatakan sebagai kata kunci dalam ibadat bagi seseorang muslim. Justeru ulama berpendapat orang yang membaca Bismillah sama seperti orang yang membaca keseluruhan nama-nama Allah S.W.T.

Ini ternyata apabila nama-nama Allah S.W.T terkumpul di dalam Bismillah al-Rahman al-Rahim membawa makna yang sangat besar iaitu memuji Allah S.W.T. sebelum apa-apa amalan dikerjakan. Di sini terserlah bahawa kepentingan Bismillah dan seni khat dalam Islam amat besar sekali, selaras dengan Nabi s.a.w. telah memberi galakan supaya menghidupkan khat tersebut.

Ibn Khaldun telah berkata di dalam Muqaddimahnya, sesungguhnya khat Arab telah sampai di negeri al-Tabayinah sejajar dengan tamadun negara tersebut dan di beri nama Khat al-Himyari. Selepas itu khat tersebut telah berpindah ke al-Hirah sebuah negeri yang diperintah oleh Raja al-Munzir, dan ada pendapat yang mengatakan bahawa para cendekiawan dan bijak pandai dalam negeri Iraq pada ketika itu telah mempunyai khat mereka sendiri.

Namun demikian khat mereka tidak setanding dengan khat orang al-Tabayinah yang mempunyai khat Arab. Selain daripada itu, khat Arab juga telah dibawa ke negeri seperti Ta'if dan Mekah, dan kedua-dua tempat ini menjadi penempatan Arab Quraisy sehingga khat Arab telah dibawa oleh orang-orang Ta'if ke negeri mereka dan

akhirnya bertapak di Mekah. Kajian telah menunjukkan bahawa orang-orang Arab telah mengenali khat Arab sebelum kedatangan Islam lagi, dan sebahagian besar daripada mereka telah membukukan ingatan dan syair-syair mereka di atas batu-batu, kulit-kulit binatang dan juga daun-daun kayu sebagai ingatan di dalam kehidupan mereka.

Talhah berkata `Adi bin Zayd al-Abadi telah disuruh oleh bapanya mempelajari tulisan Arab sehingga dapat menguasai khat Arab. Dikatakan `Adi adalah orang pertama yang menulis khat Arab di dalam Dewan Kisra.

Manakala menurut Dr.Venetia Porter,Kurator Muzium British yang juga merupakan seorang pengkaji kesenian Islam menyatakan,tulisan merupakan antara elemen terpenting untuk menyampaikan sesuatu maksud sebagai gambaran pelbagai kejadian yang berlaku.Sistem tulisan Arab adalah wadah yang mengungkap maknawi bahasa al-Quran menjadi pengikat ukhuwah dan penglahiran perasaan mengagungkan Maha pencipta.

Menurut Mohammad Firdaus Mahadi,keistimewaan tulisan Arab ini penentu ciri kesenian Islam yang melampaui batas dan sempadan.Tulisan-tulisan Arab ini dizahirkan kepada bentuk yang seni oleh seniman Islam.

Selain daripada itu,Tokoh seni khat juga dapat dilihat dalam pelbagai zaman semasa zaman Islam.Akan tetapi, dua zaman yang menonjol ialah dua zaman iaitu zaman Abassyiah dan zaman khat Mazwun.Perkembangan khat Arab dikatakan telah memasuki era kecemerlangan setelah lahirnya Islam.Usaha-usaha memperkuatkan lagi kesempurnaan dilakukan dengan menggunakan dua cara, iaitu dari segi teknik

penulisan dan kedua pula ialah memperindahkannya dan memperkembangkannya sebagai suatu unsur asas dalam cabang-cabang seni.

Tokoh seni khat yang terawal,yang disebut oleh sumber-sumber rujukan dalam bidang ini ialah Khalid Bin Abu Al-Hayyaj.Kemahsyurannya meliputi dua zaman iaitu zaman Khalifah Ali dan zaman Umawi.Tokoh ini menulis di dinding yang mengarah ke kiblat dalam masjid Nabi di Madinah sebanyak 24 surah yang merangkumi 93 ayat al –Quran bermula dari surah Al-Syams hingga ke penamat 91 Quran.Tulisan ini ditulis oleh beliau sendiri dengan menggunakan dakwat emas.Suad ialah orang yang penting dalam menjaga sepenuhnya buku-buku ini dalam perpustakaan pertama yang dikemaskini dalam dunia Islam.Beliau pernah diminta menulis mushaf-mushaf,berita,syair oleh Al-Walid bin Abdul Malik.Bertolak dari seni khat ini telah menerokai jalan dalam melahirkan uslub-uslub khat yang lain yang dikhatusukan dalam bidang penggunaan yang pelbagai.Khat ini dikenali dengan nama khat asli dan Mauzun ia telah diketengahkan oleh tokoh-tokoh seni yang pakar.Mereka mampu memperkenalkan khat ini berpandukan ukuran yang diwujudkan sejajar dengan citarasa seni mereka.Kita akan dapat mengenali nama-nama Juru khat yang terkenal yang menggunakan khat Mauzun yang mengikut kepakaran tersendiri yang ada pada mereka.Nama-nama tersebut ialah seperti **Al-Zaqif(Ahmad Bin Muhammad)** yang terkenal dengan khat Tuluth dengan bentuknya yang tersendiri.Beliau disanjung oleh Menteri yang juga merupakan seorang Sasterawan dan penyair iaitu Ibnu Zayyad.Ibnu Mi'dan guru kepada Al-Jalil merupakan murid Al-Midan.Yang paling menonjol ialah Ibnu Al-Hussin,Ishak Bin Ibrahim,Al-Balbani dinisbahkan kepada satu keluarga yang melahirkan ramai juru khat.Antaranya ialah bapanya sendiri.Beliau merupakan pengarang buku pertama

yang boleh dikatakan sebagai tersenarai dalam bidang khat dan penulisan.Judul buku tersebut ialah Tuhfat Alwaniq.Beliau juga dianggap guru kepada Ibnu Muqillah yang dianggap zaman baru dalam sejarah seni khat.

Khat ini telah mantap untuk menjadi suatu teknik penulisan dan diterima oleh semua bangsa yang beragama Islam.Di merata tempat dan mewujudkan satu identiti yang dapat dilahirkan daripada umat Islam.Identiti khat ini bertahan selama beberapa abad di mana dalam tempoh itu ia mendapat persekitaran baru dalam mewujudkan kebudayaan dan kesenian.

Selain itu,beberapa tokoh Islam lain seperti Yaqut dan Syeikh Hamdullah yang merupakan zaman yang tidak boleh dipisahkan.Banyak masanya yang digunakan dalam memberikan sumbangan dalam seni khat dan penggunaannya begitu terserlah sekali.Kemahsyurannya tersebar ke seluruh pelusuk Islam.Ramai orang yang berbakat datang untuk berguru dengannya.Di sisi Yaqut,terdapat sebahagian pelajar yang mempunyai kedudukan khusus dan istimewa.

Yaqut membenarkan mereka meletakkan tandatangan di atas catatan yang mereka tulis sebagai meniru hasil seni kerja tangan penulisan khatnya.Yaqut juga merupakan tokoh yang utama di dalam penulisan khat yang keenam.Anak muridnya menggelarkannya sebagai ‘Asatizah’.

Pihak pemerhati melihat setengah daripada ikhtilaf tentang Yaqut ialah mereka mengatakan Yaqut termasuklah di dalam penulisan khat yang keenam.Terdapat juga ahli khat yang lain yang seiring dengan Yaqut seperti Wallyyuddin al-Ajami.

Tetapi apa yang penting ialah kesan penulisan khat ini jelas dan terang yang membawa kepada khat yang baik.

*Seni khat warisan Islam,2000.Romzi  
Omar,Fauzi Mustapha,Dewan Bahasa  
dan Pustaka,k1 dan Research centre for  
Islamic history art and culture Istanbul.*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## Sejarah kelahiran kaligrafi Arab.

Menurut Dr. Riyad banyak pendapat telah di utarakan tentang tarikh sebenar permulaan khat Arab, namun tidak seorang pun yang berpendapat bahawa boleh dikatakan permulaan bahasa khat Arab adalah daripada kabilah-kabilah tertentu. Mengikut beliau lagi terdapat dua puluh tiga pendapat, namun kesemua pendapat-pendapat tersebut mempunyai maklumat yang bertentangan. Sesungguhnya khat Arab telah bermula sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Di antara maklumat yang dapat diperolehi ialah ramai dalam kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. yang boleh menulis dan membaca sebelum kedatangan Islam lagi, di antaranya ialah ('Umar Ibn Al-Khattab, `Ali Ibn Abi Talib, `Uthman Ibn `Affan, Abu Ubaydah Ibn Al-Jarrah, Talhah bin `Ubaydillah, Yazid bin Ibn Abi Sufyan, Abu Huzayfah Ibn `Utbah Ibn Rabi`ah, Hatib Ibn Amru al-Amiri, Abu Salamah Ibn `Abd al-Asad al-Mahkzumi, Aban ibn Sa`id al-As Ibn Umayyah, Khalid ibn Sa`id dan saudaranya Abu Sufyan Ibn Harb Ibn Umayyah, Mu`awiyyah Ibn Abu Sufyan, Jahm Ibn al-Salt Ibn Mazamah Ibn `Abd al-Manaf dan al-'Ala' Ibn al-Hadrami).

Selain daripada itu, terdapat di kalangan para ulama yang menegaskan bahawa penulisan khat Arab telah sampai ke tangan Quraisy, melalui mantiqah (Hirah) iaitu sebuah kawasan yang terletak di antara mantiqah. Di antara kepadatan maknanya ialah bahasa Arab memberi makna yang meluas hanya dengan satu patah perkataan sahaja. Sebagai contoh perkataan Daraba, Yadribu, Darban, Daribun, Madribun, Madrabun, Madrubun, Midrabun dan banyak lagi perkataan yang semuanya memberi makna yang berbeza. Sebelah Timur dan Madinah Munawarah di sebelah Selatan serta mantiqah al-

Ula di sebelah Utara. Ketiga-tiga mantiqah tersebut terletak di dalam negara Arab Saudi sekarang. Justeru penulis berpendapat, walaupun tarikh sebenar penulisan khat Arab tidak dapat dipastikan, namun bagi umat Islam mereka boleh membuat satu tarikh ringkas iaitu bermula dari kurun awal Hijrah kerana tarikh ini boleh dihadkan kepada tarikh khat Arab bermula iaitu pada malam penurunan Wahyu di Gua Hira.

Sesungguhnya pada malam tersebut Jibril a.s. telah membawa ayat (Iqra') kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Menurut kitab sirah Nabawiyyah, Jibril a.s. telah membawa sehelai kain serba putih dan tertera di atasnya kalimah (Iqra'). Oleh itu, penulis berpendapat adalah logik sekiranya tarikh sebenar bila bermulanya penulisan khat Arab tidak dapat dipastikan, maka tarikh tersebut boleh dijadikan panduan kepada umat Islam.

(Jurnal *Usuluddin*, 2007, 115-132 sumbangan  
kaligrafi Arab dalam kesenian Islam: suatu kajian  
sejarah, Oleh: Mohd. Bakhir Hj. Abdullah Penolong  
Profesor di Jabatan Bahasa Arab dan  
Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia.)

MALAYSIA  
KELANTAN

Seni khat juga dikatakan merupakan khazanah tertua di dunia yang masih dimiliki oleh umat Islam dan berfungsi sebagai penyampai mesej dakwah, serta jalan untuk menenangkan jiwa dan menajamkan minda.

Khat berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud garisan. Seni khat mermaksud satu garisan indah yang membentuk tulisan. Ia juga bermaksud tulisan-tulisan (kitabah) yang terikat dengan kaedah dan peraturan yang telah dikaji dan ditentukan oleh mereka yang terlibat dalam kemajuan seni. Tulisan-tulisan Arab juga mempunyai nilai dan kaedah tertentu yang mempunyai estetika yang tinggi.

### Sejarah seni khat.

Sejarah seni khat juga dikatakan bermula ketika turunnya wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w. Sejak itu, masyarakat Islam mula memberi perhatian yang khusus terhadap bacaan dan tulisan. Tulisan kemudiannya berkembang dan bukan hanya boleh dibaca malah ianya lebih bersistematis dan menarik lantaran keindahan gaya serta lengkokan bentuk huruf-hurufnya.

Sebelum kedatangan Islam, dunia penulisan Arab tidaklah sehebat dengan zaman selepasnya kerana ia hanya tertumpu pada keadaan-keadaan tertentu sahaja. Khat kaum Nibti yang diwarisi oleh orang Arab hanya dipecah kepada dua bentuk sahaja iaitu khat Khufi dan khat Jazm (khat Hijaazi).

Setelah datangnya Islam, tabiat Islam itu sendiri yang mengajak manusia kepada cintakan ilmu pengetahuan, ditambah pula dengan aktiviti catatan wahyu Illahi pada masa hayat Baginda s.w.t telah menyemarakkan perkembangan khat Arab. Pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, khat Arab telah diperkembangkan kepada pelbagai bentuk dalam rumpun Kufi, seperti Kufi klasik, Shaami, Basri, Al-Asfaraani dan lain-

lain. Apabila Saidatina Uthman r.a mengisyiharkan pembukuan al-Quran ,beliau memperkemaskan tanda dan perundangan dalam al-Quran yang dikenali sebagai Musyaf Uthmani. Dalam seni Musyaf al-Quran tulisan khat amat penting kerana merakamkan segala ayat Tuhan. Zaman kerajaan Umayyah telah menyaksikan pembangunan yang ketara seni khat Arab antaranya ialah kemunculan dua bentuk khat yang baru selepas kufi iaitu Khat Tuluth dan Khat Nasakh.

Selain khat Tuluth terdapat khat-khat yang lain yang seakan-akan mirip dengan khat Tuluth seperti khat Toomar,Tauqi,Muhaqqiq,Thuluthain dan sebagainya. Khat Nasakh pula muncul dari cabangan khat Daarij semasa zaman permulaan Islam.

Pada zaman ini, seni khat menyaksikan banyak perubahan antaranya ialah peletakan sistem titik dan baris di samping kemunculan pakar-pakar penulis khat antaranya Iman Hassan al-Basri, Malik Bin Dinar dan Ibnu Hasan al-Maliih. Mashaf-Mashaf Uthmani pada pada waktu itu muncul dengan pelbagai rupa bentuk khat sementara penulis-penulis khat tumbuh bagai cendawan selepas hujan.

Di antara ketiga-tiga zaman ini,zaman kerajaan Turki Utmaniyyah adalah zaman paling ketara dalam perkembangan dan peningkatan seni khat di mana ia telah dieksploitasi sebagai bidang kesenian dan kecantikan selain dari penyampai maklumat. Setelah kejatuhan kerajaan Uthmaniyyah, warisan seni khat yang kebanyakannya yang berpusat di Turki telah berpecah ke serata tanah Arab.

Aakhirnya tahun demi tahun,bentuk-bentuk khat tadi telah dihadkan kepada beberapa bentuk sahaja.Untuk khat yang kekal sehingga hari ini ialah Tuluth,khat Nasakh,Farsi,Diwani,Riq'ah,ijazah dan khat terbaru khat moden. Antara tokoh-tokoh

khat zaman moden yang terkenal ialah Sheikh Abd.Aziz Al-Riffaaei,Hamid Aamidi,Mustafa Izzat Shahaat,Hasyim Muliammad dan lain-lain.

(Majalah Jejak IslamJanuari 2011,38- 39,Seni khat simbol kehalusan Islam,Haji Baharuddin Bin Ismail.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Dengan lahirnya tokoh-tokoh seni khat yang hebat ini, dapat mencerminkan keunggulan zaman Islam yang penuh dengan kesenian. Lahirnya penulis khat pada zaman kegemilangan Islam juga melambangkan identiti yang ada sebagai sebuah Negara Islam.

Telah ramai tokoh Islam yang berjaya dalam dunia penulisan khat. Kesenian itu terserlah dan dapat ditonjolkan dengan gaya penulisan yang baik oleh tokoh. Ketekunan dan sifat yang menghayati setiap ayat suci al-Quran dapat membentuk seorang tokoh yang pandai dalam dunia seni khat.

Sesuatu kesenian amat penting dan ia juga melambangkan kemahsyuran sesebuah tamadun terutama zaman kegemilangan Islam. Seni khat ini sememangnya seni yang teragung dan perlu dititikberatkan. Tokoh-tokoh Islam telah banyak melakukan sumbangan mereka, terutama dalam bidang penulisan seni khat.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.2 KESIMPULAN

Pengkaji telah menyatakan pelbagai kajian dan pandangan sarjana Islam serta tokoh tentang seni khat ini. Setiap tokoh baik dari barat atau tempatan telah memberi pandangan serta pengalaman yang berbeza, sepanjang penglibatan dalam dunia seni khat.

Melalui sorotan kajian ini dapat memperlihatkan dengan lebih jelas dari segi sejarah dan sebagainya di sebalik seni khat Islam. Seni khat Islam ini dikatakan terlalu indah jika dihayati dan dibaca.

Kini, seni khat telah dimartabatkan kembali walapun era globalisasi terus berkembang maju. Sistem pelaksanaan dan pameran serta pelbagai inisiatif yang efektif mampu menaikkan semula seni khat ini agar terus dipelihara.

Sebuah negara yang beridentitikan Islam wajib menggunakan sistem tulisan jawi dalam pelbagai aspek seperti dalam bidang penulisan, pemerintahan dan sebagainya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### PENDAHULUAN

#### 3.0 PENGENALAN


Metodologi kajian adalah sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan bagi mengumpul data. Data ini akan digunakan sebagai asas bagi membentuk rujukan dan pentafsiran tujuan serta menghurai dan membuat jangkaan tentang sesuatu kajian.

Melalui kajian metodologi, banyak membantu pengkaji dalam mengenal pasti kaedah yang hendak dibuat,mendapatkan data dan mencari jawapan kepada tajuk kajian. Selain daripada itu, Pengkaji menjalankan metodologi kajian kerana ianya merupakan ilmu-ilmu untuk memperolehi kebenaran,serta maklumat yang cukup sepanjang menjalankan kajian.

Metodologi merupakan suatu prosedur sistematik yang menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri, bagi memastikan prestasi penyelidikan dicapai dengan baik dan sempurna.

Dalam penulisan penyelidikan dan kertas projek, metodologi yang digunakan mesti diuraikan dengan terperinci. Dalam menjalankan metodologi, penyelidikan data dapat dibuat melalui dua cara iaitu secara kualitatif dan kuantitatif. Dalam kajian ini, pengkaji membuat melalui dapatan data secara kualitatif. Dalam kajian metodologi merangkumi soal selidik responden, contoh responden, data kajian dan elemen dalam analisis data. Dalam kajian ini menerangkan tentang rangka teori, rangka kajian, responden, Persampelan borang kaji selidik dan juga kaedah yang digunakan untuk menganalisis data.

### 3.1 Rangka teori



**i) Makna**

Faktor makna ini merupakan maksud yang tersirat di sebalik setiap penulisan seni khat. Ayat-ayat suci al-Quran yang ditulis dan dipahat pada dinding rumah, masjid, buku ilmiah, bingkai gambar, papan tanda mempunyai makna di sebaliknya. Ia ditulis dalam pelbagai bentuk, mengikut jenis dan hiasan khat itu sendiri. Contoh makna di sebalik ayat suci al-Quran seribu dinar, surah Yusuf dan ayat kursi. Kesemua ini mempunyai makna yang ingin disampaikan bersesuaian dengan ajaran Islam.

**ii) Kesenian Islam.**

Seni khat seperti yang kita tahu merupakan salah satu seni yang tergolong dalam bidang kesenian Islam yang terunggul di mata dunia. Ia merupakan satu seni yang lama dan perlu dipelihara dalam menjadikan sebuah negara yang beridentitikan negara Islam. Seni khat juga merupakan seni yang terindah di antara seni-seni yang lain.

**iii) Bahasa Al-Quran**

Seni khat merupakan bahasa Al-Quran yang patut dipelajari terutama masyarakat yang beragama Islam. Ia amat penting dan perlu diambil berat dan dipelajari dalam memastikan setiap individu Islam pandai, arif serta bijak dalam memelihara seni kesenian Islam. Seni khat juga merupakan bahasa yang tertua dalam sejarah kesenian Islam. Ia digunakan oleh pemerintah dahulu dalam urusan pentadbiran, kehidupan harian dan lain-lain. Oleh itu, ia harus dipelihara dan diteruskan dalam kehidupan.

**iv) Perubahan teknologi semasa.**

Perubahan teknologi semasa telah meneggelamkan kemahsyuran kesenian Islam. Pemantapan dan kebanggaan bahasa asing dalam dunia sekarang telah membuatkan masyarakat lupa dengan kepentingan kemahiran penguasaan jawi dalam kehidupan.

**vi) Estetika**

Seperti yang kita ketahui, seni khat ini sememangnya mempunyai nilai estetika yang begitu indah yang begitu bernilai dan mempunyai makna yang tinggi. Lenggokan tulisan setiap hurufnya mempunyai nilai keindahan yang begitu cantik dan tersusun rapi.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### **3.2 Kaedah kajian.**

Kaedah kajian ialah merupakan satu cara bagaimana pengkaji mendapatkan data dalam menjalankan kajian.Kaedah kajian juga merupakan satu prosedur yang perlu diikuti oleh pengkaji dalam mencapai matlamatnya, untuk mendapatkan maklumat secara efektif dan berkesan.Pengkaji perlu memikirkan kaedah kajian yang ingin dilakukan.Terdapat pelbagai kaedah yang boleh dibuat oleh pengkaji, dalam mendapatkan data tentang penggunaan seni khat dalam masyarakat melayu di Kelantan.Antara kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat tentang kajian ialah:-

#### **i) Pemerhatian**

Dalam kaedah pemerhatian ini,pengkaji juga membuat tinjauan sampingan.Pemerhatian ini amat penting dalam mendapatkan data sebagai proses tambahan ilmu pengetahuan, melalui tajuk yang dikaji.

Pemerhatian terhadap lokasi-lokasi penting yang dikenalpasti sebagai tempat kegiatan aktif seni khat di kaji.Kajian lapangan dipilih sebagai salah satu dalam kaedah pemerhatian.Terengganu Darul Iman ,menjadi lokasi kajian pengkaji.

### **ii) Temubual**

Melalui kaedah temubual,pengkaji dapat memperolehi data secara langsung.Temubual yang dijalankan juga secara langsung dengan responden.

Dalam kaedah temubual juga,pengkaji ingin mengetahui pendapat,pengalaman serta kenyataan daripada responden berdasarkan tajuk kajian yang dijalankan.Dalam kaedah temubual,beberapa soalan akan diajukan kepada responden secara lisan.Segala hasil dapatan data yang diperolehi akan dicatat.

### **iii) Kajian perpustakaan.**

Di sini juga,pengkaji cuba mendapatkan maklumat melalui kajian perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan.Ini merangkumi hasil pembacaan,kajian teks, dan pembacaan buku ilmiah sebagai rujukan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan padat.

Semua hasil tinjauan dan pembacaan bahan ilmiah yang berkaitan dicatat.Pembacaan juga dijadikan asas yang penting, di samping menambah ilmu pengetahuan.

**iv) Kajian lapangan.**

Satu lagi kaedah kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah kajian lapangan.Kajian lapangan adalah satu kajian yang dijalankan secara langsung.Dalam kajian ini,pengkaji sendiri melibatkan diri dalam kajian yang dijalankan secara dekat.

Kajian lapangan ini penting kepada pengkaji kerana mendedahkan pengkaji kepada realiti sebenar bidang kesenian Islam.Seni khat sememangnya satu seni yang teragung dalam masyarakat Islam yang perlu diterokai.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

### 3.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, seni khat memainkan peranan penting dalam kesemua aspek kehidupan manusia. Kaedah yang terbaik yang dilakukan dalam metodologi kajian oleh pengkaji merupakan salah satu alternatif dalam mendapatkan data. Seni khat sememangnya indah dan mempunyai kehalusan yang terbaik jika kita pandai menjaga dan memeliharanya dalam kehidupan seharian.

Peranan kerajaan dalam memperluaskan penggunaan seni khat ke serata dunia, mampu mengangkat dan menjulang kesenian Islam sebagai seni pertama dalam Islam dan mencerminkan negara yang beridentitikan Islam yang sebenar.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini,menerangkan bagaimana mempersempahkan sesuatu data serta maklumat.Di samping itu juga,menerangkan tentang dapatan kajian serta keputusan yang diperolehi sepanjang menjalankan kajian.

Dalam bab ini merupakan, huraian kepada semua persoalan dan hasil kajian yang diperolehi.Bab ini merupakan bab yang terpenting dan memerlukan pengkaji menganalisis dengan teliti terhadap hasil yang telah dibuat.

Hasil daripada kajian metodologi dalam bab tiga yang dijalankan oleh pengkaji,Pengkaji mendapati, penggunaan seni Khat di kalangan masyarakat Melayu di Kelantan boleh diuraikan seperti berikut:-

Mengikut hasil kajian lepas daripada bab dua,mengikut huraihan ahli-ahli seni seni Khat ini dikatakan, mempunyai kedudukan yang teristimewa dalam masyarakat Islam.Agama Islam merupakan agama rasmi dan Khat juga dikatakan salah satu daripada hasil kesenian Islam yang amat berharga dan bernilai dalam kehidupan masyarakat Melayu.

#### **4.1 PENGGUNAAN SENI KHAT**

Seni Khat adalah salah satu hasil daripada kesenian Islam yang teragung dan kaya dengan kehalusan tersendiri.Khat juga merupakan satu kesenian Islam yang tertua di dunia.Bagi masyarakat Arab dahulu,Khat penting dan mendapat tempat yang teristimewa dalam masyarakat Islam.Ini adalah kerana ,dahulu Khat penting dalam urusan pentadbiran,perhubungan serta pendidikan.Dengan kata lain,Khat menjadi bahan perantaraan antara Masyarakat setempat.

Dalam kehidupan masyarakat sekarang,seni khat dikatakan menjadi unsur penting dalam pelbagai aspek kehidupan.Mengikut hasil daripada kajian yang dijalankan oleh pengkaji,pengkaji melihat kebanyakan penduduk di Kelantan iaitu di sekitar Bandar Kota Bharu masih lagi mengamalkan khat dalam kehidupan mereka.Kota Bharu sebagai bandaraya Islam sememangnya sudah sinonim dengan penggunaan khat dalam kehidupan.Dalam kehidupan masyarakat Kelantan,khat menjadi unsur kesenian yang terpenting dan menjadi salah satu unsur dalam agama

yang perlu dititikberatkan.Kediaman menjadi tempat masyarakat dalam mendapatkan perlindungan daripada panas cahaya matahari dan hujan.Namun begitu, seni khat ini menjadi satu unsur pelengkap dalam kehidupan masyarakat melayu.Di dalam setiap rumah di Kelantan,rata-rata kediaman penduduk setempat masih lagi menggunakan seni Khat.Pengkaji mendapati, adanya ayat-ayat Khat yang terpampang pada dinding rumah yang dijadikan sebagai hiasan dinding dan ukiran pada pintu dan bangunan rumah.Kebanyakannya adalah terdiri daripada rumah-rumah di sekitar perkampungan.Di samping dijadikan sebagai hiasan dinding,Khat juga dikatakan satu hasil karya seni yang berkait rapat dengan jiwa manusia dan penduduk Kelantan.Khat dikatakan menjadi satu unsur yang amat penting dan mempunyai ikatan yang amat kukuh,sebagai bahan perantaraan antara manusia dengan Allah yang tidak dapat dipisahkan.Oleh itu,penggunaan ayat-ayat Khat di dalam kehidupan masyarakat Kelantan tidak pernah diabaikan.Setiap kediaman penduduk Kelantan iaitu di sekitar Bandar Kota Bharu, adanya penggunaan Khat pada kediaman masing-masing.Khat bukan sahaja sebagai hiasan semata-mata, tetapi dijadikan sebagai pelindung kepada manusia daripada makhluk halus dan sebagainya melalui ayat-ayat khat yang dipamerkan contohnya seperti ayat seribu dinar,ayat kursi dan kalimah Allah Muhammad yang ditulis dengan pelbagai jenis khat yang berbeza..Khat juga melambangkan ciri-ciri keperibadian masyarakat melayu dan menonjolkan seni kesenian islam yang sangat halus dan indah.Khat juga mempamerkan identiti sesebuah masyarakat itu adalah masyarakat islam.Pada masa yang sama,khat dikatakan masih lagi diwarisi dalam masyarakat sehingga hari ini.

Dunia bergerak seiring dengan perkembangan semasa.Namun,penduduk yang mempunyai kediaman yang mewah juga tidak ketinggalan dalam menggunakan seni

Khat dalam kehidupan.Walaupun mempunyai kediaman yang mewah, Khat tetap digunakan sebagai hiasan pada rumah-rumah mewah, seperti rumah banglo,Villa,apartmen,kondominium dan sebagainya.Khat adalah jiwa manusia yang tidak dapat dipisahkan.Kebanyakannya adalah dijadikan sebagai hiasan dinding.Kebanyakkan hiasan dinding terdiri daripada khat Tuluth.Tiada khat,maka bererti jiwa atau sesuatu ruang itu kosong dan tidak bermakna walaupun sesuatu tempat itu dihiasi dengan barang yang mahal serta mewah.Pendapat pengkaji,Dalam setiap kediaman, Khat menjadi salah satu penyuluhan hidup masyarakat.Kehidupan akan diterangi cahaya jika adanya Khat sebagai pelengkap dalam kehidupan setiap insan.

Khat juga dikatakan meyatupadukan umat Islam.Kesepakatan dalam kehidupan dapat dilihat melalui perhimpunan masyarakat dalam majlis-majlis rasmi agama,seminar kebangsaan khat dan sebagainya.Dalam hal ini,membentuk sebuah masyarakat yang harmoni.

Selain itu,penggunaan khat juga dikatakan semakin menonjol terutama dalam bidang-bidang keagamaan,majlis rasmi kerajaan,ceramah,seminar serta pada hari istimewa Islam iaitu Nuzul Al-quran.Di hotel-hotel juga turut bekerjasama dengan badan-badan Instiuti Kesenian Islam apabila menganjurkan sesuatu program.

Penggunaan khat dapat dihuraikan lagi dengan melihat pada aspek tumpuan pengkaji iaitu pada bangunan Instituti Kerajaan dan pintu gerbang di Kelantan.Melalui hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji,penggunaan Khat yang ketara adalah pada beberapa buah masjid.Masjid juga banyak menggunakan ayat-ayat khat yang terpahat pada bahagian dinding masjid,pintu masuk,serta bangunan masuk masjid.Ayat-ayat khat yang pelbagai jenis, menghiasi ruang dinding masjid-masjid di beberapa buah sekitar Bandar Kota Bharu.Ayat-ayat Khat juga turut ditulis pada papan tanda masjid

tersebut.Di bangunan Instituti Kerajaan pula, banyak terpahat kalimah Khat ‘Allah’Muhammad’ pada hiasan dinding ruang masuk tersebut.

Penggunaan Khat di sekitar Bandar Kota Bharu juga masih banyak digunakan dalam kehidupan masyarakat setempat.Melalui pemerhatian pengkaji,Bandar Kota Bharu sememangnya kaya dengan Khat yang begitu indah dan pelbagai.Pintu gerbang menjadi identiti terpenting bagi penduduk Kota Bharu.Di Kota Bharu,mempunyai pintu gerbang yang menjadi lambang identiti sebuah negeri yang kaya dengan bidang kesenian Islam iaitu pintu gerbang Sultan Ismail petra.Ukirin Khat dapat dilihat pada pintu gerbang tersebut yang terletak di padang Merdeka berdekatan dengan Kampung Kraftangan.Pintu gerbang yang panjang dan tinggi melambangkan betapa agungnya hasil seni pengukir Khat pada masa tersebut dalam bidang penulisan kesenian Islam.Khat Tuluth menjadi pelengkap penghias pada pintu gerbang tersebut.Penggunaan Khat tersebut, melambangkan Khat sebagai nadi kehidupan masyarakat Melayu Kelantan pada masa kini.Pintu gerbang tersebut juga merupakan satu-satunya mercu tanda negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang kaya dengan kesenian.Bersesuaian dengan gelaran negeri Kelantan yang dikenali sebagai sebuah bandaraya Islam. Selain daripada itu,pengkaji juga mengenalpasti penggunaan Khat pada bangunan Instituti Kerajaan Kelantan iaitu bangunan Balai Islam yang terletak di Lundang Kota Bharu.Balai Islam merupakan sebuah bangunan pentadbiran majlis Agama Kelantan yang berfungsi sebagai sebuah badan yang memberi kebajikan kepada penduduk.

Kompleks Balai Islam Lundang juga adalah sebuah kompleks pejabat Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Kompleks ini terletak di Lundang,

Kota Bahru, Kelantan bersebelahan jalan utama Pasir Puteh - Kota Bharu. Kompleks ini mula digunakan pada 16 Februari, 1990.

Bangunan ini dikatakan mempamerkan seni Khat pada bangunannya iaitu di bahagian hadapan bangunan serta pada dinding Balai Islam tersebut.Khat yang ditulis ialah menggunakan Khat Tuluth.Perkataan Balai Islam ditulis pada bangunan Balai Islam pada pintu masuk hadapan bangunan tersebut. Balai Islam adalah salah satu daripada bangunan yang bercirikan keislaman yang terdapat di Kota Bharu.Ini dibuktikan dengan Khat berkait rapat dengan seni bina Islam yang dikatakan mempunyai pertalian yang amat dekat dan saling berkait.Di Balai Islam ini juga dijadikan sebagai tempat untuk majlis-majlis rasmi agama seperti hari Nuzul Al-Quran,Seminar Pengajian Islam serta Majlis Tilawah Al-Quran.Khat yang masih terpelihara dan tersusun rapi menghiasi bangunan Balai Islam.Ini menunjukkan bahawa,penggunaan seni Khat dalam masyarakat Kelantan masih terpelihara dan digunakan dalam kehidupan.Masyarakat Melayu di negeri Kelantan masih lagi mengamalkan seni Khat dalam kehidupan serta persekitaran.

Selain itu,Masjid Muhammadi menjadi salah satu masjid yang kaya dengan hasil penulisan Khat.Adanya Khat di setiap sudut dinding dan atap Masjid mencerminkan seni Islam itu hadir di Kelantan.Khat yang terpahat pada dinding atas masjid dengan pelbagai gaya serta jenis tulisan, membuatkan hati terasa bangga kerana betapa agungnya tempat ibadah masyarakat yang beragama islam.Selain daripada itu,bingkai gambar yang bertuliskan Ayat-ayat Khat turut dijadikan hiasan pada dinding-dinding masjid yang diletakkan di setiap sudut.Kalimah Khat “Allah” “Muhammad” merupakan sesuatu perkara yang wajib sebagai hiasan dinding pada ruang dinding masjid.

Tanpa kita sedari,sebenarnya Khat melatih jiwa dan kehidupan manusia menjadi sempurna dari segi perangai,tingkah laku dan tutur kata yang lemah –lembut, apabila berhadapan dengan masyarakat sekeliling.Sifat ini lahir kerana penghayatan terhadap seni Khat begitu mendalam melalui pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran,penulisan dan sebagainya..Individu yang mencintai seni Khat akan menghayati sepenuhnya setiap inci penulisan ayat-ayat suci Al-Quran.Hati yang suci serta lahirnya perasaan cintakan seni Islam dengan menghayati setiap hasil penulisan Khat yang terpahat pada bangunan dan sebagainya.Khat memberikan manusia kelembutan melalui gaya penulisan ayat-ayat Khat yang ditulis.Penulisan setiap ayat-ayat Khat memerlukan kelembutan,kesopanan serta kesabaran yang tinggi.Melalui penulisan Khat,ia melatih dan mempunyai hubungan dalam mempengaruhi jiwa,tingkah laku serta peribadi seseorang menjadi sabar dalam melakukan setiap pekerja dan membentuk jati diri yang positif dalam kehidupan.Khat juga melambangkan kehidupan tamadun dalam sesebuah masyarakat.Adanya Khat melambangkan sebuah Negara Islam.Khat di Kelantan juga semakin menonjol.Ini dapat dilihat melalui,penggunaan Khat secara meluas dalam papan iklan serta petunjuk arah jalan.Kebanyakan papan iklan di sekitar Kota Bharu menggunakan elemen seni Khat sebagai penghias.Hiasan pada papan tanda serta petunjuk arah jalan adalah menjadi salah satu perkara wajib selaras dengan Kelantan diishtiharkan sebagai bandaraya Islam.Banyak papan-papan iklan di Kelantan,terutama sekitar Bandar Kota Bharu ditulis dengan ayat-ayat Khat.Papan iklan yang ditonjolkan juga hampir keseluruhannya bersifat Islam.

## 4.2 KEISTIMEWAAN

Keistimewaan seni Khat juga telah dikaji secara dekat oleh pengkaji.Bidang kesenian Khat mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Khat merupakan satu-satunya hasil seni yang lahir dari bahasa Al-quran.Al-quran dikatakan sebagai mukjizat dan penghubung antara manusia dengan Allah.Perhubungan yang erat dijalankan melalui lahirnya seni khat yang diolah oleh masyarakat dan diterjemahkan kepada bidang penulisan, yang begitu indah dan kreatif dan mendapat tempat dalam kedudukan istimewa masyarakat Melayu sekarang.Istimewanya, khat diterjemahkan melalui pemilihan ayat-ayat suci Al-quran yang dianggap mempunyai keistimewaan dan bermakna dalam masyarakat.Penggunaan Kalimah yang suci yang menjadi petunjuk serta pedoman kepada masyarakat digunakan dalam kehidupan contohnya kalimah ayat suci Al-quran bismillahirrahmanirrahim.Terdapat banyak kalimah tersebut digunakan sebagai hiasan rumah pada pintu masuk kediaman serta bangunan Instiuti Kerajaan sebagai tanda ucapan syukur dan selamat.Khat juga mempunyai keistimewaan dalam memelihara masyarakat daripada melakukan perkara yang dilarang.Indahnya seni khat serta keistimewaannya juga terletak pada ilmu serta pengalaman yang ada pada penggiat dan tokoh-tokoh Khat.Makin dalam ilmunya maka sedalam itulah hasil karya yang dipersembahkan.Seni Khat ini juga menjadi lambang identiti negeri Kelantan dan dalam sesebuah masyarakat itu sendiri.Pintu gerbangnya yang teragung dan strategik berada di tengah Bandar Kota Bharu yang menjadi identiti kepada masyarakat luar.Ayat-ayatnya terhasil dan diolah oleh tokoh-tokoh, dalam bentuk idea kreatif manusia. Khat juga lahir hasil dari bahasa Al-Quran yang patut dipelihara dan dijaga.Idea kreatif manusia melalui pemikiran akal yang sempurna dan bijak, menyatupadukan ayat Al-Quran kepada seni Khat.

Jadi,masyarakat mula menjadikan seni Khat itu sebagai suatu pelengkap dan keperluan yang penting dalam kehidupan mereka.Daripada keistimewaan Khat,ia juga berkait rapat dengan nilai keindahan yang ada pada seni Khat Islam.

Selain itu,keistimewaan Khat juga adalah,penulisannya secara konvensional iaitu penulisan yang dijalankan secara tradisional dengan menggunakan tangan.Segala hasil penulisan Khat,memperlihatkan keaslian yang sebenar yang lahir daripada keindahan gaya penulisan oleh penulis.Tanpa kita sedari, seni Khat ini merupakan salah satu bahasa yang dipilih oleh Allah,sebagai bahasa yang terindah untuk umatNya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 4.3 NILAI KEINDAHAN

Melalui nilai keindahan tersebut telah membawa kepada keistimewaan Khat. Beberapa orang tokoh telah menerangkan nilai keindahan hasil daripada rujukan pengkaji. Estetika adalah salah satu benda yang paling berharga yang sukar dicari dalam kehidupan. Ia memerlukan lebih penghayatan serta fahaman yang cukup dalam mencapai konteks keindahan. Dalam seni Khat, keindahannya dapat dilihat melalui hasil penulisannya yang begitu unik dan kemas. Bagi pengkaji juga, nilai estetika adalah sesuatu yang dianugerahkan secara azali dalam kehidupan setiap manusia. Dalam kehidupan manusia, kita dikelilingi oleh nilai keindahan yang cukup sempurna dan indah. Nilai estetika ini sesuatu yang tidak dapat dijual beli kerana ia lahir dari ketulusan manusia. Ketulusan dalam bidang penulisan serta mengamalkan pembacaan ayat-ayat suci Al-quran dalam kehidupan, dapat mendidik hati kearah tulus dan suci. Indahnya seni khat melayu adalah berasal dari indahnya idea pemikiran masyarakat dahulu dalam menyumbangkan idea dan daya pemikiran yang kreatif. Selain itu, apa yang pengkaji fahami ialah indahnya seni Khat ini adalah pada hasil tulisannya yang begitu indah, yang dihasilkan dalam bentuk idea tulisan yang kreatif serta dalam pelbagai rupa bentuk dan gaya yang menarik. Indahnya seni khat ini kerana ia lahir daripada bahasa Al-Quran yang teragung nilainya. Ayat-Ayat Al-Quran dipilih, ditulis dan disampaikan dalam bentuk tulisan yang indah. Seni Khat bukan untuk ditulis atau dibaca semata-mata tetapi, memerlukan penghayatan yang sempurna dan kepakaran yang cukup. Indahnya hasil seni khat ini dapat dilihat melalui kehalusan setiap tulisan huruf-huruf khat. Para penulis khat serta individu yang terlibat dalam bidang seni Khat, dikatakan mempunyai pelbagai idea yang kreatif. Ini dapat dilihat melalui kaedah pemerhatian yang dilakukan pengkaji, semasa membuat kajian

lapangan di Taman Tamadun Islam sempena Seminar Inspirasi Seni Khat.Pelbagai hasil karya yang dipamerkan dan menampakkan keseluruhan karya yang begitu indah dengan kemasan penulisan yang dibuat.Hasil karya yang kreatif dipamerkan dengan Tulisan Khat Kufi yang diukir kemas dan indah di atas bingkai gambar yang bersusunkan buluh.Satu lagi ialah tulisan khat yang dibuat pada batu bersurat Terengganu yang dijadikan sebagai replika untuk pameran.Sepanjang pemerhatian Melalui kajian lapangan di sana,Lenggokan gaya penulisan serta kecekapan melahirkan nilai keindahan pada Khat dan penulisnya.Indahnya sesuatu seni khat itu,terletak pada penulisnya.Pengkaji dapat melihat kesemua hasil seni khat yang dipamerkan sememangnya cukup indah kerana terdiri daripada hasil seni oleh penulis yang cukup berbakat dan terkenal dari dalam dan luar negara.Bagi pengkaji,seni khat ini sememangnya satu seni yang bebas dari segi penulisan.Seni khat juga dapat ditulis dalam pelbagai rupa bentuk yang menjadi sebagai satu kebanggaan masyarakat.Contohnya,pelbagai jenis ayat-ayat Al-Quran ditulis dalam bentuk pohon,bunga,perahu,bentu keris dan sebagainya.Khat juga menjadi teras dan panduan kepada masyarakat Islam,dalam memartabatkan tamadun Islam sebagai lambang ketamadunan warisan yang tertua.Hidupnya seni khat ini dengan lahirnya Tokoh-Tokoh yang mahsyur serta berpengalaman tinggi dalam dunia seni Khat.Estetika juga dapat memberikan seseorang ketenangan,kesabaran dan teruja.Ini dapat dibuktikan melalui penghayatan terhadap karya seni Khat.Menghayati setiap ayat dan makna di sebalik Khat tersebut dapat memberikan seseorang ketenangan dengan keindahan yang begitu halus dan susunan tulisan ayat yang bertatasusila.Khat juga mempunyai makna di sebalik setiap penulisan ayat-ayatnya.Setiap penulisannya melahirkan ketekunan,kesabaran,kemuliaan serta keharmonian.

Ini adalah kerana, setiap apa yang ditulis oleh penulis Khat melambangkan keperibadian dirinya dalam bidang kesenian. Makna yang disampaikan begitu indah dengan mengandungi unsur peringatan, nasihat serta kebaikan kepada umat Islam. Keindahan pada Khat sukar dicari jika seseorang itu tidak menjiwai dan mencintai bidang seni Khat. Khat juga menimbulkan rasa sensitiviti seseorang atau masyarakat kepada ayat-ayat suci Al-Quran apabila jiwanya sudah sebat dengan seni Khat. Setiap apa yang dilihat, menimbulkan rasa betapa indahnya kesenian Islam Khat.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4 PENERIMAAN

Dari segi penerimaan serta penggunaan seni tulisan khat dalam kehidupan masyarakat di Kelantan, negeri Kelantan,memang sudah sebatи dengan seni khat, kerana negeri Kelantan sangat terkenal dengan gelaran sebagai bandaraya Islam.Sepanjang kajian yang dijalankan di Kelantan,pengkaji melihat Kelantan berpotensi sebagai salah sebuah negeri yang kaya dengan hasil seni khat.Penerimaan masyarakat Kelantan terhadap seni Khat semakin berkembang.Negeri Kelantan kaya dengan khazanah khat yang teragung yang menjadi harta warisan yang amat berharga.Bangunan institusi kerajaan Kelantan,pintu gerbang dan rumah-rumah di Kelantan memainkan peranan penting dalam menonjolkan seni khat.

Jika dilihat pada rumah-rumah di Negeri Kelantan,khat masih lagi kekal.Masyarakat Kelantan menjadikan Seni khat sebagai hiasan dinding dan sebagai ayat-ayat pelindung pada pintu masuk.Sepanjang pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji,setiap rumah di Kelantan mempunyai beberapa ayat khat yang pelbagai jenis sebagai hiasan dinding .Dengan mempunyai ayat-ayat khat juga dapat membezakan antara rumah masrakat islam dan agama lain.Khat mencerminkan keperibadian,agama dan jiwa seseorang ataupun Masyarakat setempat.

Selain daripada itu,ayat Khat juga memainkan peranan penting dalam hasil ukiran pada dinding rumah,yang berasaskan kayu.Masyarakat melayu Kelantan dikatakan mempunyai kepandaian serta kehebatan dalam memelihara seni Khat, melalui rumah yang dihiasi dengan Ukiran Khat yang begitu indah.Rumah seperti ini telah menjadi pemerhatian pengkaji sepanjang melakukan kajian.Melalui perkembangan teknologi sekarang,rumah-rumah batu,banglo serta kondominium juga tidak terlepas dalam menggunakan Khat dalam kehidupan mereka.Kediaman yang

cantik dan akan bertambah cantik lagi jika dihiasi dengan ayat-ayat Khat.Ini dapat membuktikan bahawa seni Khat tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan masyarakat.Khat itu sendiri memberikan masyarakat satu pendekatan terhadap warisan Islam yang amat terpenting yang menjadi tulang belakang dalam Agama.

Kebanyakan bangunan - bangunan serta di Kelantan,sama ada instiuti kerajaan atau swasta juga, banyak menggunakan hasil kesenian Islam iaitu Khat.Contohnya bangunan Balai Islam di Kelantan yang menggunakan Seni khat Tuluth dengan hasil tulisan yang begitu indah di samping diselitkan dengan ukiran yang bercirikan ukiran kesenian Islam.Khat juga melambangkan identiti sebuah bangunan.Selain itu,Instiuti Pendidikan di Kelantan juga banyak mempamerkan seni Khat, terutama tulisan pada bangunan di sekolah-sekolah agama,pengajian pondok yang berdasarkan pengajian Islam,contohnya seperti di Kolej Islam Sains Malaysia yang terletak di Nilam Puri Kota Bharu.Dengan adanya bangunan serta rumah yang dihiasi dengan seni khat membuatkan seolah-olah kita berada di dalam sebuah Negara Islam yang terunggul.

Hasil kajian juga,pengkaji melihat Khat juga menjadi elemen terpenting dalam masyarakat Kelantan.Ini dapat dibuktikan dengan hiasan yang begitu indah,pada pintu gerbang .Keunikan ukiran Khat yang begitu hebat pada pintu gerbang,merupakan lambang identiti kemegahan serta kemewahan negeri Kelantan yang kaya dengan seni Khat.Kelantan mempunyai dua pintu gerbang yang menjadi lambang kemegahan serta kehebatan Negeri Kelantan sebagai sebuah Negeri yang kaya dengan bidang kesenian dan kebudayaan kepada masyarakat luar dan pelancong.Pintu gerbang yang pertama ialah yang terletak di laluan sepanjang jalan ke lapangan terbang .Ukirin tulisan yang menggunakan Khat tuluth mencerminkan Islam itu sememangnya indah.Pintu gerbang kedua ialah terletak di dataran perkampungan Kraftangan Kota Bharu.Kedua-dua

pintu gerbang ini, menjadi lambang identiti negeri Kelantan sebagai negeri yang kaya dengan hasil kesenian Islam yang tidak ternilai harganya. Kesenian Khat pada pintu gerbang di Kelantan juga, selain daripada menjadi salah satu elemen kesenian, ia berpotensi dijadikan sebagai salah satu daya tarikan para pelancong datang ke Kelantan.

Selain daripada itu, hasil kaedah kajian pengkaji melalui pemahaman, pembacaan serta pemerhatian yang dijalankan, seni Khat yang paling ketara dapat dilihat ialah ukiran khat pada Masjid di Kelantan. Setiap Masjid di Kelantan dikatakan tidak lengkap dan hilang identiti sebagai tempat ibadah jika tiada hasil seni kesenian Islam, iaitu Khat. Masjid dikatakan simbol lambang keislaman. Setiap Masjid dihiasi dengan motif seni Islam. Pengkaji membuat tinjauan dan pemerhatian terhadap Masjid. Tulisan Khat menghiasi setiap ruang pada bangunan Masjid dengan pelbagai jenis tulisan Khat. Khat yang paling menonjol yang sering dilihat adalah Khat tuluth dan nasakh. Senibina masjid lebih hebat dan cantik dengan dihiasi dengan seni khat. Tiang-tiang masjid juga tidak terlepas dari dihiasi dengan keindahan ukiran seni Khat. Khat juga memainkan peranan penting dalam menghiasi setiap ruang legar pada bangunan masjid. Disitulah timbulnya lambang indahnya Islam bila dipadankan dengan seni Khat.

Sebagai sampingan, jika dilihat dari sudut global seni Khat ini semakin berkembang dan mendapat sambutan. Muzium dan galeri memainkan peranan penting dalam memelihara warisan kesenian Islam yang tertua ini. Contohnya Muzium Kesenian Islam di Kuala Lumpur yang memperlihatkan seni Khat yang dapat dilihat pada bangunannya. Selain daripada itu, Balai Seni Lukis Negara juga turut memainkan

peranan yang penting, dengan mengadakan pameran galeri pelbagai jenis lukisan serta mempamerkan ayat-ayat khat kepada Masyarakat.

Taman Tamadun Islam di Terengganu juga mempunyai peranan yang tersendiri. Setiap monumen mempamerkan hasil seni Khat yang kreatif dan indah, dari segi perbezaan dan gaya tulisan. Setiap monumen yang dipamerkan adalah monumen yang teragung di seluruh dunia yang dihiasi seni khat, sebagai pelengkap keindahan. Monumen-monumen yang dipamerkan di Taman Tamadun Islam tersebut yang tidak ada di Malaysia, tetapi masyarakat di seluruh dunia dapat merasai dan menjiwai dengan adanya seni khat sebagai hiasan dan pelengkap kepada setiap monumen. Di sinilah tahap perkembangan serta penerimaan seni Khat semakin meningkat dan mendapat perhatian masyarakat.

Di sini pengkaji dapat melihat betapa tingginya martabat seni khat kini, dalam kedudukan masyarakat melayu Kelantan mahupun dalam negara.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### **4.5 MEMARTABATKAN SENI KHAT**

Segelintir daripada masyarakat kita dikatakan buta jawi,tidak pandai dalam menulis jawi dan tiada penghayatan yang lebih terhadap seni Khat.Memartabatkan kembali seni Khat dalam masyarakat Melayu,dan sistem pendidikan adalah bukan sesuatu yang mudah dalam mewujudkan sebuah negara Islam yang terunggul.

Seni khat di Kelantan ini semakain mendapat tempat dalam masyarakat dan dalam kehidupan sehari-hari,tetapi masalahnya ialah kesenian ini kurang ditonjolkan.Penganjuran pertandingan,bengkel serta seminar jarang diadakan.Bakat yang terpendam juga tidak ditonjolkan.Negeri Kelantan dianggap sebagai salah sebuah negeri yang kaya dengan nilai kesenian yang begitu maju dan harmoni. Dalam mewujudkan sebuah negara Islam yang beridentitikan Khat dalam semua aspek kehidupan,penyatuan aspek kebudayaan dan kesenian amat penting.Khat juga tidak semestinya pada tempat ibadat dan bangunan agama semata-mata malah Instituti Kerajaan juga perlu menaikkan taraf dengan menghiasi seni khat di semua ruang Pejabat Pentadbiran,Pusat –Pusat dan Dewan Pentadbiran.Sebuah Negara Islam juga perlu menerapkan nilai cintakan terhadap seni Islam dengan mengadakan instituti pertubuhan pengajian Khat.

MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.6 DAPATAN DATA MELALUI HASIL KAJIAN LAPANGAN



Kajian secara lapangan telah dibuat di Taman Tamadun Islam Pulau Wan Man Kuala Terengganu. Taman Tamadun ini telah menganjurkan pertandingan Inspirasi seni Khat yang diadakan pada 12 dan 13 Mac 2011 yang bertempat di dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam.Dalam seminar Inspirasi seni Khat tersebut, telah dijemput seorang tetamu khas, pakar penulis khat yang terkenal iaitu Adnan Syeikh Osman dari Syria.Adnan Syeikh Osman ini merupakan seorang tokoh Khat yang mahir dalam bidang penulisan Khat Tuluth.Selain itu, sepanjang majlis tersebut pelbagai program diadakan seperti pertandingan menulis khat ,pameran hasil-hasil tulisan khat serta pelbagai karya khat yang ditulis oleh tokoh Islam tempatan.Di samping itu juga,seminar yang diadakan turut mendedahkan para masyarakat yang hadir, tentang betapa pentingnya seni khat dalam kehidupan kita sebagai umat Islam, serta bagi memartabatkan kembali seni khat dari ditelan zaman arus pemodenan. Sepanjang seminar tersebut berlangsung,pengkaji sempat melihat kehadiran beberapa

tokoh,penggiat serta orang-orang kenamaan yang turut tidak melepaskan peluang hadir ke sana.Pelajar-pelajar dari beberapa buah sekolah agama yang terkenal dan juga pelajar dari beberapa Universiti juga turut memeriahkan majlis.

Tinjauan pengkaji ke sana, adalah untuk meninjau tahap sambutan terhadap seni khat dan menyertai pameran seni khat kerana ingin melihat secara dekat hasil-hasil karya khat oleh pelukis dari pelbagai negara. Pemerhatian juga dijalankan sepanjang majlis berlangsung dengan melihat segala hasil seni tulisan khat yang dipamerkan.Melalui hasil karya khat yang dipamerkan,di sini pengkaji dapat memberitahu bahawa,masih ada lagi penulis yang berbakat,mahir dan mempunyai pengalaman yang besar dalam bidang penulisan khat.

Penyertaan yang ramai dari beberapa buah sekolah sekitar Terengganu,Kota Bharu dan penduduk kawasan sekitar mencerminkan bahawa,seni khat ini masih hidup.Melalui pameran seni khat ini,merupakan satu cara bagi memartabatkan kembali dunia seni khat Islam yang sepatutnya menjadi kebanggaan masyarakat Islam.

Hasil-hasil karya yang dipamerkan juga,mencerminkan ketulusan,kelembutan serta idea kreatif penulis dalam memikirkan cara dalam menterjemahkan gaya, susunan serta jenis huruf ayat Al-Quran yang ingin ditonjolkan, dalam bentuk yang paling indah.

Temubual secara lisan juga sempat pengkaji jalankan semasa seminar seni khat berlangsung.Menurut salah seorang pelajar di sebuah sekolah di Terengganu,Mohd Fauzi Bin Marzuki juga merupakan salah seorang peserta yang menyertai bengkel penulisan seni khat,Beliau memberitahu bahawa,seseorang yang ingin menulis ayat

khat ini, perlu menjiwai ayat-ayat tulisan khat. Selain itu, penulisannya juga memerlukan kesabaran, ketekunan serta keikhlasan yang tulus dalam jiwa, kerana di sifatlah lahirnya nilai keindahan seni khat yang sebenar.



Sepanjang program seminar dijalankan, Program bengkel penulisan berdasarkan tulisan seni Khat juga turut diadakan, sebagai salah satu program pertandingan dalam seminar tersebut. Bayaran sebanyak RM110 dikenakan kepada setiap individu yang ingin menyertai bengkel penulisan tersebut. Berpuluhan-puluhan pelajar dari beberapa buah sekolah turut mengambil bahagian dalam pertandingan bengkel penulisan khat. Sepanjang pertandingan bengkel tersebut berlangsung, tetamu jemputan daripada Syria membuat tinjauan sepanjang pertandingan penulisan berlangsung. Bagi pengkaji, dengan penganjuran pertandingan bengkel penulisan seperti ini dapat mengetengahkan masyarakat kepada seni tulisan Islam yang teragung. Pertandingan tersebut memperlihatkan pengalaman, bakat, kebolehan pelajar serta masyarakat setempat dalam bidang penulisan yang perlu diwarisi. Hampir keseluruhan pelajar yang rata-ratanya, mempunyai bakat yang begitu sempurna dalam penulisan. Dalam

seminar ini,pendedahan seperti inilah yang diperlukan dalam memberitahu masyarakat bahawa betapa indah dan berharganya seni khat jika betul -betul menghayatinya.

Dalam kehidupan seharian juga boleh dipraktikkan dengan menyertai bengkel atau bidang penulisan di Instituti yang berkaitan secara langsung.Golongan remaja serta kanak-kanak perlu diajar pengajian jawi dari kecil lagi dan mengenali bahasa Al-Quran.Pendedahan dari awal perlu dirancang sebaiknya, agar dapat mengenali seni Khat dengan mendalam.Program yang dibuat anjuran Taman Tamadun Islam ini begitu berkesan dalam memartabatkan seni Khat dan memperkenalkannya di peringkat antarabangsa.Penyertaan para pelajar serta tokoh-tokoh dan penggiat Khat yang hadir mampu menjulang seni Khat ke peringkat yang lebih tinggi.Semasa bengkel penulisan khat berlangsung,tulisan berdasarkan khat Tuluth diperkenalkan dalam pertandingan tersebut.

# UNIVERSITI

---

# MALAYSIA

---

# KELANTAN

## BAB 5

### CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian pengkaji.Dalam bab ini,semua hasil kajian yang dijalankan dari mula hingga akhir dapat disimpulkan dalam bab ini.Kesimpulan menjadi aspek terpenting dan yang terakhir kepada pengkaji dalam memberikan kata putus apa yang dapat disimpulkan daripada keseluruhan kajian pengkaji.Perbincangan perlu dibuat berdasarkan apa yang pengkaji fahami dan ilmu yang diperolehi sepanjang kajian terhadap seni Khat.Aspek cadangan yang dapat dibuat oleh pengkaji adalah kepada tiga iaitu individu,masyarakat dan negara.

## 5.1 PERBINCANGAN

Daripada apa yang telah dihuraikan dalam bab empat,pengkaji telah mendapat beberapa maklumat untuk dijadikan huraian kepada perbincangan,cadangan serta kesimpulan dalam bab lima.Apa yang pengkaji fahami adalah Khat ini adalah sesuatu kesenian yang berdiri dengan kukuh,ayat yang cukup bermakna,berdisiplin serta bertatasusila.

Begitu juga dengan manusia.Indahnya keperibadian manusia ,dapat dilihat dari segi kekuahan nilai keimanan serta ketaatan kepada Allah,yang menjadi tunjang ke arah membentuk sebuah kehidupan yang lengkap.

Khat kukuh melalui gaya penulisan yang mantap serta susunan ayat-ayat suci Al-Quran yang kemas dan padat.Khat memberikan kita sebuah kehidupan yang harmoni dan mencapai ketenangan dalam diri apabila melihat setiap ayat ayat Khat yang tersergam indah.

Keindahan terpancar dalam sesebuah negara dengan adanya seni Kesenian Islam iaitu khat.Khat memainkan peranan penting sebagai lambang kepada sebuah negara Islam.Paparan Seni khat pada setiap ruang dan sudut dalam sesebuah negara dapat membezakan antara agama Islam dengan agama lain.Penguasaan ilmu jawi pada seseorang individu dalam kehidupan amat penting dalam membentuk jati diri yang positif.Selain daripada itu,pengkaji juga memahami bahawa,khat berkait rapat dengan seni bina Islam.Setiap seni bina Islam contohnya seperti bangunan pejabat agama,bangunan awam dan sebagainya yang menggunakan elemen seni bina

Islam,tidak dapat dipisahkan dengan penggunaan seni Khat sebagai elemen hiasan.Khat juga dikatakan mempunyai daya tarikan tersendiri melalui pandangan individu yang berbeza.Hubungan yang akrab antara senibina Islam dan khat tidak dapat dipisahkan.Begitu juga dengan kehidupan manusia yang tidak dapat dipisahkan dengan keindahan.Keindahan sentiasa ada di mana-mana.Hubungan manusia dengan keindahan dapat ditonjolkan melalui bakat,contohnya melalui seni khat.Bakat dalam penulisan Khat adalah salah satu yang menyumbang kepada aspek keindahan.Hasil-hasil karya dibuat dan ditulis dalam bentuk yang berbeza dan indah mengikut idea dan bakat yang ada.

Seni Kaligrafi Islam mendapat tempat yang kukuh dalam masyarakat Melayu Kelantan sehingga ke hari ini.Khat menjadi keperluan asas dalam kehidupan masyarakat sebagai elemen terpenting untuk membentuk identiti sebagai orang Melayu. Khat berasal daripada tulisan jawi.Adanya tulisan jawi ini,membuktikan bermulanya zaman kegemilangan Islam yang terulung.Tulisan Jawi ini adalah satu keperluan asas yang penting dalam kehidupan.Jiwa bahasa jawi diabaikan dan lenyap,maka hilanglah identiti bangsa Melayu kerana melalui Khat ini melambangkan ciri-ciri kemelayuan serta agama Islam.

MALAYSIA  
KELANTAN

## 5.2 CADANGAN

Daripada hasil perbincangan tersebut,pengkaji dapat memberikan beberapa cadangan dalam memperkasakan lagi Khat ke peringkat antarabangsa.

### 5.21 Individu

Para penggiat Khat serta tokoh-tokoh Khat perlu bergiat aktif dalam dunia Khat.Contohnya menghadiri seminar atau majlis-majlis yang berkaitan dengan tujuan menambahkan lagi pengalaman serta ilmu yang sedia ada ke arah yang lebih baik.Selain daripada itu,penggiat khat juga perlu meningkatkan kemahiran dengan mengikuti bengkel dan kursus yang ditawarkan oleh badan-badan yang berkaitan.

Penyelidikan serta kajian yang menyeluruh terhadap seni khat perlu diperluaskan dengan mengadakan lawatan ke serata dunia,terutama negara yang memaparkan seni khat yang menjadikan khat sebagai ikon dalam negara mereka.Dengan adanya tokoh-tokoh khat yang terkenal,Seni Khat ini dikatakan akan terus hidup dan mewarnai kehidupan setiap individu.Khat boleh diterokai melalui hasil pembacaan buku-buku ilmiah dan menjalankan penyelidikan di setiap negara sebagai tambahan ilmu.

### **5.22 Masyarakat**

Masyarakat perlu didedahkan dengan hasil kepelbagaian seni kesenian Islam dalam kehidupan seharian. Ibu- bapa perlu memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak supaya mahir dalam penulisan dan pembacaan jawi sejak kecil lagi.Penerapan nilai keharonian serta agama yang cukup perlu dicapai dalam masyarakat, sebagai asas dalam mengenali ilmu kesenian Islam.

Selain daripada itu,Masyarakat haruslah peka terhadap alam sekeliling dengan menghayati setiap khat yang ada dan menghargai khat dengan mengadakan satu pusat kesenian untuk orang ramai, sebagai wadah untuk pembelajaran.

### **5.23 Negara**

Dalam mewujudkan suasana serta sebuah negara yang bercirikan Islam,peranan kerajaan diperlukan.Instiuti kerajaan dan badan -badan bukan kerajaan haruslah memainkan peranan yang penting dalam mempelbagaikan penganjuran pertandingan seni Khat dengan membuka bengkel-bengkel pengajaran Khat,pertandingan,seminar serta festival islam untuk memajukan kesenian kaligrafi islam.

Pertandingan bidang penulisan khat juga perlu diadakan pada setiap tahun.Dalam memartabatkan kembali seni khat,masyarakat dan remaja harus dilatih dalam menyertai program seperti ini dalam mencungkil bakat mereka serta kebolehan dalam bidang penulisan khat.Tenaga pengajar haruslah terdiri daripada golongan yang mempunyai banyak pengalaman dan terlatih supaya sistem pengajaran khat berjalan dengan lancar dan sempurna.

Selain itu,bangunan dan instituti pendidikan juga perlu menerapkan elemen khat.Sebagai contoh pejabat pentadbiran,dewan serbaguna,masjid dan sebagainya.Kerajaan juga haruslah mengadakan satu inisiatif yang berkesan dengan menjadikan pengajian khat sebagai salah satu subjek wajib di setiap instituti pendidikan di negeri Kelantan.Contohnya di sekolah Menengah, rendah,sekolah pondok,sekolah agama dan sebagainya.

Seni Khat ini perlu diperkenalkan di peringkat antarabangsa dengan menyertai pertandingan di luar negara.Penyertaan oleh tokoh-tokoh tempatan ke luar Negara juga amat penting dalam mewujudkan perhubungan dua hala antara negara-negara Islam.

Tambahan lagi,seni Khat ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu Aset pelancongan kepada para pelancong dengan menjemput pelancong luar negara dalam menyertai aktiviti atau seminar kesenian seni khat.

Badan-badan kerajaan lain yang turut menjadi penggerak dalam memajukan seni kesenian Islam ini ialah Muzium.Muzium adalah satu instituti tetap yang tidak mengambil keuntungan dan memberi hebahan maklumat serta karya seni kepada masyarakat.Muzium kesenian Islam menjadi penggerak dalam memelihara warisan seni Islam.Maklumat berkaitan seni Khat dalam muzium kesenian Islam boleh dijadikan bahan rujukan kepada umum untuk dijadikan sebagai bahan dalam penyelidikan.Karya-karya khat juga dipamerkan dan keaslian khat terpelihara.

Begitu juga dengan peranan Balai Seni Lukis Negara yang mempamerkan hasil-hasil karya, tokoh Khat terkenal.Hasil-hasil karya ini, perlu diperluas dan diadakan pameran secara terbuka sebagai bahan rujukan kepada masyarakat,

Pelancong dan pelajar.Kesemua ini menjadi bahan asas kepada pelajar dalam mendapatkan maklumat rujukan dan pendedahan berkaitan seni khat.Taman Tamadun islam juga menjadi salah sebuah lokasi berkembangnya seni khat kaligrafi Islam.

Bengkel penulisan perlu diadakan pada setiap bulan serta khat juga boleh dipamerkan melalui hiasan pada setiap monumen yang terdapat di Taman Tamadun tersebut.Setiap monumen yang menggunakan elemen hiasan Khat,menjadi salah satu daya tarikan para pelancong.Jabatan Kesenian Kebudayaan Kelantan juga perlu melakukan kerjasama dengan Jabatan Seni Khat Kebangsaan dalam merealisasikan seni khat sebagai seni yang mempunyai kedudukan yang teristimewa dalam negara.

Kerjasama dapat dijalankan dengan mengadakan seminar atau pembukaan beberapa cawangan bengkel khat di seluruh negara.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 5.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, seni kaligrafi Islam ini adalah satu hasil kesenian Islam yang perlu dipelihara dalam membangunkan sebuah Negara yang beridentitikan seni Islam yang terunggul. Keindahan seni Khat terletak pada ilmu dan jiwa penulis dalam membentuk satu karya yang teragung.

Khat juga membentuk satu hubungan silaturrahim yang erat dalam masyarakat. Penyatuan serta kesepakatan dalam majlis-majlis agama serta seminar yang berkaitan Khat, mencerminkan masyarakat Islam yang berjaya dalam mencapai hubungan yang disyariatkan Islam.

Khat juga perlu dipelihara agar terus kekal dan dijadikan bahan rujukan dan tatapan buat generasi akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BIBLIOGRAFI

### RUJUKAN BUKU

- Abdul Rahman Al-Ahmadi,(1913),Tamadun Rumpun bangsa melayu:kementerian Kebudayaan,Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Ahmad Jelani Halim,(2008),sejarah dan tamadun bangsa melayu:Utusan Publications and Distributions Sdn.Bhd.
- A.Aziz Deraman.Jun (2000): ketua pengarah dewan bahasa dan pustaka.
- Dzul Haimi Md Zain,(2007), Seni hias Al-quran di alam Melayu,11,12,:utusan Publications and Distributions Sdn.Bhd.
- Farid Mat Zain,(2007),Islam di tanah melayu abad 19:Karisma Publications sdn.bhd.shah Alam.
- Haji Baharuddin Bin Ismail,januari (2011),Majalah jejak Islam januari.38,39,Seni khat simbol kehalusan Islam.
- Jonathan Bloom and Sheila Blair,5,(1994),Islamic art.
- Mohd.Bakhir Hj. Abdullah Penolong Profesor di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,(2007),115-132,Jurnal Usuluddin,sumbangan kaligrafi Arab dalam kesenian Islam.
- kamus dewan edisi keempat dewan bahasa dan pustaka (2007.)
- Romzi Omar Dan Fauzi Mustapha, pada tahun (2000),Seni khat warisan Islam:dewan bahasa dan pustaka K1 dan Research centre for Islamic history art and culture Istanbul.

## **RUJUKAN INTERNET**

- [http://1.bp.blogspot.com/.](http://1.bp.blogspot.com/)
- [http://tintankraf.blogspot.com/2010\\_08\\_01\\_archive.html](http://tintankraf.blogspot.com/2010_08_01_archive.html)
- [http://ms.wikipedia.org/wiki/Kompleks\\_Balai\\_Islam\\_Lundang](http://ms.wikipedia.org/wiki/Kompleks_Balai_Islam_Lundang)

## **RUJUKAN KERATAN MAJALAH**

- Haji Baharuddin Bin Ismail,januari (2011),Majalah jejak Islam januari.38,39,Seni khat simbol kehalusan Islam.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# LAMPIRAN TESIS

UNIVERSITI  

---

  
MALAYSIA  

---

  
KELANTAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ



Contoh beberapa Khat yang ditulis dalam bentuk tulisan Tuluth



Masjid Muhammadi yang menggunakan Khat pada pintu gerbang.



Balai Islam di Kelantan.



Bangunan Instituti kerajaan yang menggunakan ayat-ayat Khat dengan mempamerkan kaliamh “ALLAH” “MUHAMMAD”.

## ARTIKEL BERKAITAN SENI KHAT

Ahad, 22 Ogos 2010

penggiat seni-berkaligrafi

Galeri: Adunan khat Ramadan

Oleh Rashiqah Ilmi Abd Rahim ,Berita Harian Online

2010/08/2010

Bantu Mohd Hairul Mohd Sin cipta nama

PENCINTA karya seni khat pasti puas jika berkunjung di Tenggiling Studio, Pasar Seni, Kuala Lumpur yang mengangkat keistimewaan seni kaligrafi Islam, bukan saja terpancar dari segi jenis khatnya, tetapi juga jiwa dan perasaan yang diadun dalam karya.

Sempena kedatangan Ramadan, pelukis, Mohd Hairul Mohd Sin, yang sebelumnya lebih gemar menghasilkan potret dan karya abstrak, memilih seni khat sebagai daya penarik untuk mendekatkan umat Islam dengan hasil kaligrafi bernafas keagamaan.

Kebiasaannya, karya seni khat seperti ini dibeli syarikat korporat untuk majlis rasmi, namun ada juga peminat lukisan meminta saya menghasilkan karya mengikut cita rasa mereka. Misalnya baru-baru ini saya menerima tempahan menulis surah Al-Fatiyah berlatarkan pemandangan.

Bagi menampilkan kelainan berbanding karya pelukis mapan yang lain, saya masih menonjolkan keaslian tulisan khat, namun pada masa sama memilih warna segar dan moden untuk menarik perhatian pengunjung, katanya pada pertemuan dengan Galeri.

Ketelitiannya dalam menghasilkan tulisan khat dapat dilihat menerusi karya Nama Allah dan Nama Nabi yang menggunakan akrilik berasaskan air dengan sentuhan moden termasuk pemilihan warna merah bagi menyerlahkan tulisan khat.

Begitu juga dengan Kebesaran Allah SWT yang dilihat seperti hasil pantulan pada cermin dengan menggunakan warna keemasan pada perkataan Allah.

Menceritakan pahit getir sepanjang menelusuri dunia lukisan, Hairull mengakui tidak mudah mencipta nama dalam dunia lukisan khususnya karya abstrak, potret dan seni khat meskipun selepas penggalian ilmu di Institut Bina Usahawan (Edi) sebaik tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Ini disebabkan industri seni tempatan mempunyai ramai nama besar, tetapi disebabkan minat yang mendalam untuk memperkembangkan karya abstrak, potret dan khat, akhirnya saya berjaya memiliki galeri hasil perkongsian dengan rakan, Abdul Aziz Alias.

Nasib menyebelahi saya apabila kebanyakan karya mendapat perhatian, malahan usaha menempatkan diri sebaris dengan pelukis mapan, mendapat perhatian Astro melalui program Merisik Khabar yang membantu meningkatkan ilmu seni melalui kelas intensif, katanya.


Justeru, beliau bakal menganjurkan pameran solo pada hujung tahun ini yang menampilkan karya potret dan abstrak melalui lakaran atas kanvas sebagai langkah permulaan menempatkaan diri sebaris pelukis mapan tempatan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

23 February 2011

### Negeri Anjung Ilmu Perkasakan Seni Khat

Oleh: Aida Abd Rahman



Dato' Zubir menunjukkan iklan pertandingan seni khat peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Taman Tamadun Islam pada 12 hingga 13 Mac ini. - Gambar oleh Zulkipli Putra.Terengganu yang sering melakar kecemerlangan dalam keputusan peperiksaan awam di negara ini sehingga dominan dengan jolokan 'negeri anjung ilmu' terus mengorak langkah memartabatkan satu lagi aspek ilmu apabila menganjurkan pertandingan seni khat peringkat kebangsaan pada 12 hingga 13 Mac depan.

Pertandingan yang julung kali diadakan dengan tema 'Inspirasi Seni Khat TTI' yang dianjurkan Persatuan Seni Khat Malaysia dengan kerjasama penuh Kerajaan Terengganu menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM61,000 bakal disertai lebih 300 peserta dari seluruh Malaysia.Pengerusi Jawatankuasa pertandingan, Dato' Zubir Embong, berkata program di Taman Tamadun Islam menjurus kepada pameran, seminar dan juga pertandingan seni khat yang bakal melibatkan penyertaan penggiat, pengkarya dan peminat seni khat dari seluruh negara.

Katanya, dua kategori ditawarkan dalam pertandingan, iaitu spontan (terbuka) bagi 18 tahun ke atas dan spontan (sekolah) bagi yang berusia 13 hingga 18 tahun dengan

syarat-syarat tertentu dengan menonjolkan karya khat yang popular termasuk Thuluth, Kufi, Nasakh dan Diwani. Tokoh kaligrafi Islam, Profesor Dr Muhammad Bukhari Lubis dari Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) akan mengemukakan ucaptama pada program itu, selain kemunculan tokoh kaligrafi terkenal dunia dari Syria, Adnan Sheikh Osman sepanjang seminar bagi berkongsi ilmu penulisan kepada peserta pertandingan ini.

Beliau berkata, program itu akan menjadi forum untuk memperkasakan dan menanam minat supaya kecintaan terhadap khat subur di kalangan masyarakat khususnya golongan muda serta program ini dapat membuka mata masyarakat mengenai keindahan, rahsia dan nilai tulisan jawi atau khat ini kepada masyarakat Islam. "YAB Menteri Besar cukup berminat dengan program ini, yang mana beliau turut menyediakan satu pialakhas dinamakan 'Piala Menteri Besar Terengganu' sebagai piala iringan pertandingan yang dijangka diadakan secara tahunan," katanya ketika sidang akhbar mengenai program itu, di Dewan Konvensyen TTI, di Pulau wan Man, Kuala Terengganu, petang semalam (22 Februari).

Hadir sama, Pengarah Urusan TTI, Engku Md Azmi Engku Abd Rahman. Katanya, seni khat memang sinonim dengan Terengganu dan TTI yang memiliki senibina dan monumen bercirikan tulisan dan ayat penting dalam al-Quran serta syair Arab terkenal.

Malah, Batu Bersurat yang berasal dari Terengganu turut membuktikan sejarah kedatangan Islam ke rantau Nusantara yang bermula dengan kecelikan masyarakat terdahulu dengan tulisan rasmi bangsa Melayu itu.

Tulisan jawi ini sebenarnya tulisan rasmi bagi bangsa Melayu yang semakin jauh dengan masyarakat, kalau dulu ia dianggap sebagai tulisan rasmi tetapi kini ia tidak lagi dianggap sedemikian, maka kelihatan tulisan jawi kian jauh dan bimbang pupus. Kalau pulus tulisan ini, maka bangsa Melayu juga turut sama menerima akibatnya," katanya.

Katanya, maka pendekatan itu dilaksanakan bagi melestarikan serta memperkasakannya semula kerana bimbang ia semakin dilupakan generasi kini.

## Teguran bapa bawa tuah Siti Hawa johan seni khat

Posted on March 15, 2011 by akarimomar



Siti Hawa Zainal Abidin dan Nik Abd. Rahman Zaki Nik Abd. Karim bersama piala pusingan di Taman Tamadun Islam, semalam.

KUALA TERENGGANU 14 Mac (Utusan Malaysia)- Teguran bapa yang meminta agar Siti Hawa Zainal Abidin, 28, memperbaiki tulisan jawinya yang teruk ketika berada di sekolah menengah tidak sia-sia.

Dia yang akhirnya memilih kerjaya sebagai penulis khat di Yayasan Restu semalam muncul sebagai johan kategori karya siap (kanvas) pada pertandingan seni khat program Inspirasi Seni Khat Taman Tamadun Islam (TTI) 2011.

Siti Hawa membawa pulang wang RM4,000 dan turut dinobatkan sebagai penerima anugerah Piala Tengku Sri Bendahara Raja.

Anak kelahiran Grik, Perak itu tidak menyangka menerima dua kemenangan berkenaan memandangkan persaingan adalah sengit dan melibatkan ramai penulis khat.

Katanya, penulisan khat bermotifkan corak kayu yang diketengahkan dalam pertandingan itu merupakan idea yang difikirkan pada saat-saat akhir.

“Pada mulanya, saya terfikir corak lain bagaimanapun menukarnya kerana melihat corak berinspirasikan kayu lebih menarik dan sesuai dengan lengkok tulisan yang saya mahu ketengahkan.

“Saya amat berterima kasih kepada keluarga yang banyak mendorong saya dalam bidang ini,” katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan itu di Taman Tamadun Islam, di sini hari ini.

Pada majlis berkenaan, hadiah disampaikan oleh Tengku Sri Bendahara Raja, Tengku Mustaffa Kamel. Pertandingan yang menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan

bernilai RM61,000 dianjurkan oleh kerajaan negeri menerusi agensinya, TTI Sdn. Bhd. dengan kerjasama Persatuan Seni Khat Malaysia.

Program Inspirasi Khat TTI selama dua hari turut diisi dengan seminar yang menyentuh mengenai seminar pemantapan dan perkembangan seni khat global. Sebanyak lima kategori dipertandingkan termasuk kategori karya siap (kayu) yang dimenangi oleh Abdul Wahab Khalid. Kategori karya siap (logam) dinobatkan kepada Syed Ubaidillah Syed Mohamad dan masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM5,000.

Nik Abd. Rahman Zaki Nik Abd. Karim membawa pulang hadiah bernilai RM2,500 selain dinobatkan pemenang Piala Datuk Seri Ahmad Said setelah menjuarai kategori spontan (terbuka). Kategori spontan (sekolah) dimenangi oleh Muhammad Yazid Samsudin yang membawa hadiah bernilai RM700.

UNIVERSITI  
KELANTAN

Dijadikan medium catatkan kisah berkaitan budaya, penceritaan secara lisan

# Tulisan jawi perlu diperluas - Rais



RAIS Yatim beramah mesra bersama seorang kanak-kanak yang menyertai Temasya Dikir Barat Kelantan, Festival & Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan dan Keusahawanan Warisan di Kota Bharu, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID

Oleh AZZAN FITRI RAHIM  
azran.rahim@utusan.com.my

**KOTA BHARU** 17 Okt. - Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan mahu penggunaan tulisan jawi yang diamalkan di Kelantan, diperluaskan ke negeri-negeri lain.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, kementerian juga mahu menjadikan tulisan jawi sebagai medium untuk mencatatkan kisah berkaitan budaya dan penceritaan secara lisan.

Beliau berkata, ia amat penting kerana generasi muda sekarang semakin melupakan adat budaya sendiri akibat terlalu leka dengan perkembangan teknologi.

"Selain daripada itu, kami akan mencungkil bakat dan mencari mereka yang serba boleh dalam bidang dikir barat, penceritaan dan kisah hikayat lama serta berkebolehan berpantun tanpa menulis, syair dan balada.

"Bentuk-bentuk lisan yang lain dalam kesusastraan Melayu harus dikemukakan kembali dan kementerian juga ingin melihat supaya penggunaan jawi seperti yang lumrah digunakan di Kelantan dapat digunakan di negeri-negeri lain dengan skrip dalam tulisan itu dijadikan tarikan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas

merasmikan Temasya Dikir Barat Kelantan, Festival & Seminar Kebangsaan Tradisi Lisan dan Keusahawanan Warisan di Auditorium Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara di sini, hari ini.

Turut hadir, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof. Emeritus Datuk Dr. Ir. Dr. Zainal Mohamed dan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Datuk Norliza Rofli.

Temasya tersebut menghimpunkan 1,049 pendidik daripada 46 kumpulan dikir barat untuk membuat persembahan secara bergilir-gilir dan diiktiraf sebagai Persembahan Bermaklumat Bertaraf Malaysia Book of Records.

Rais berkata, kementerian melalui Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) akan bekerjasama dengan UMK untuk mewujudkan program khusus bagi mengkaji warisan dan budaya negara.

"Program ini adalah dalam bentuk pertukaran sejarah pengkajian mengenai topik warisan seni dan budaya termasuk festival tradisi lisan dan ini akan kita laksanakan tahun de明i tahun."

"Saya meminta Naib Canselor supaya kenal pasti (masa) secepat mungkin pada tahun depan mulai Januari atau Februari," katanya.

MALAYSIA  
KELANTAN